

# **BAB 3:**

# **RASUAH**

## BAB 3:

### RASUAH

#### 3.1 Pengenalan Kepada Konsep Asas Rasuah

**R**asuah adalah satu jenayah yang mudah menular ke dalam sistem kehidupan masyarakat sehingga boleh membina sesebuah kerajaan, negara maupun tamadun misalnya Empayar Rom, Empayar Uthmaniah, Dinasti Ming dan sebagainya yang tidak terurus pentadbirannya sehingga menyebabkan tentera dan kakitangan awamnya terpaksa mengamalkan rasuah sehingga akhirnya hancur. Demikian juga dengan kisah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka akibat berlakunya amalan rasuah di kalangan raja dan pembesamya. Nasionalis Chiang Kai Shek di China, Richard Nixon di Amerika, Marcos di Filipina dan akhirnya Presiden Mobuto di Zaire yang juga tumbang kerana gejala yang sama sebagaimana dikatakan:

*"In December 1997, it was reported that a Dutch team of archaeologists found at Rakka in Syria about 150 cuneiform inscriptions which indicate that the site contained an administrative centre of the Assyrian civilization dating from the 13<sup>th</sup> century BC. A special archive was found, perhaps from the equivalent of a modern 'Ministry of the Interior', with data about employees accepting bribes, including the names of senior officials and the name of an Assyrian Princess."* (Quoted in European Parliament Working Paper, "Measure To Prevent Corruption in EU Member States, March 1998); dan juga

*"Corruption is not a new phenomenon. Two thousand years ago, Kautilya, the Prime Minister of an Indian Kingdom, had already written a book, Arthashastra, discussing it. Seven centuries ago, Dante placed bribers in the deepest parts of Hell, reflecting the medieval distaste for corrupt behavior. Shakespeare also gave corruption a prominent role in some of his plays and the American Constitution*

*made bribery and treason the two explicitly mentioned crimes that could justify the impeachment of a U.S. President.”* (Vito Tanzi 1998)

U Myint (2000) pula menyatakan bahawa; “*...corruption is universal, allegations and charges of corruption now play a more central role in politics than at any other time, and corruption can be a major obstacle in the process of economic development and in modernizing a country.*”

Bagi kalangan yang biasa mendapat dan memberi ganjaran, mereka akan cuba membuat pelbagai takrifan terhadap apa yang dilakukan. Bagi yang memberi, ia dipandang sebagai satu insentif untuk menjamin segala urusan perniagaan dapat dibereskan segera. Bagi yang menerima, mereka mendakwa ia sebagai sagu hati atau satu bentuk pemberian ikhlas terhadap segala bantuan serta budi yang mereka hulurkan. Namun apa pun tafsiran terhadap rundingan dan pakatan ini, daripada aspek moralnya, kedua-dua pihak melakukan kesalahan sekalipun projek yang bakal dijalankan itu memberi manfaat kepada rakyat dan cepat disiapkan. Jika kita tidak berhati-hati, kemungkinan penyakit ini akan merebak dan sukar dibendung.

Mereka yang terbabit juga tidak akan bertindak adil malah cuba menutup peluang orang lain yang gagal memberikan jaminan habuan tinggi. Jika projek itu memerlukan prosedur kelulusan dari satu jabatan ke satu jabatan, si penerima terpaksa mengheret ramai lagi rakannya untuk membantu mempercepatkan proses kelulusan itu. Akhirnya ramai yang akan terjebak menerima rasuah. Jika keadaan sebegini terus berlaku, maka banyaklah projek kepentingan rakyat terabai dan tidak dilaksanakan sebaik mungkin.

Justeru itu, pegawai kerajaan sepatutnya bertanggungjawab, amanah dan jujur dalam menjayakan pembangunan negara. Adalah sesuatu yang memalukan malah menjatuhkan imej kerajaan jika ada di kalangan mereka yang meluluskan projek perumahan misalnya, meskipun ditolak oleh kerajaan, semata-mata ada

perkiraan habuan dengan pemaju. Walau bagaimanapun, sebagai rakyat Malaysia, kita yakin bahawa kakitangan kerajaan di negara ini adalah lebih profesional dan sistematik berbanding dengan di negara membangun yang lain.

Abdul Samat Kasah (2002) pula menyatakan bahawa, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menghadapi bahaya ancaman rasuah. Malahan jika diimbaskan kembali sejarah, terdapat beberapa kes rasuah yang melibatkan golongan pemimpin politik yang telah mencemarkan karier politik mereka. Antara kes-kes yang menjadi ingatan ialah kes yang melibatkan Ketua Menteri Melaka, Dato Haji Abdul Ghani Ishak (1974); bekas Menteri Besar Selangor, Dato Haji Harun Idris (1976); bekas Menteri Kewangan Sabah, Datuk Dzulkifli Abdul Hamid (1976); bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Dato Tan Cheng Swee (1976); bekas Exco Kanan Kedah, Dato' Haji Mohd Muslim Othman (1982); bekas Senator Ariffin Salleh (1984); bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan(1992); bekas Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim (1999) serta beberapa kes lagi yang masih di dalam perbicaraan.

Dalam kajian tahunan yang dijalankan oleh Transparency International, sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang beribupotegisasi di Berlin menyatakan bahawa, dalam kajian tahunan *Corruption Perception Index* yang dijalankan pada tahun 1999, Malaysia telah jatuh dari tangga ke 32 dari 99 negara berbanding dengan kedudukan di tangga ke 29 di kalangan 85 negara yang dikaji pada tahun 1998. Keadaan ini sedikit sebanyak membimbangkan kerana ini adalah merupakan perkembangan yang tidak sihat (Abdul Samat Kasah 2002).

Oleh kerana keadaan yang membimbangkan inilah, maka ancaman rasuah bukan lagi merupakan masalah berasingan yang dihadapi oleh sesebuah negara, tetapi lebih merupakan masalah global dan menjadi salah satu agenda perbincangan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Semasa di "Ninth United Nations Congress On Prevention of Crime and Treatment of Offenders" yang

berlangsung di Kaherah, Mesir dari 28 April hingga 8 Mei 1995, kongres telah berpendapat bahawa:

*"...All speakers agreed on the seriousness of the problems posed by corruption, which endangered the stability and security of societies, undermined the values of democracy and morality, jeopardized social, economic and political development, and threatened peace...it was also suggested that the United Nation should designate an international year to the fight against corruption, a scourge that consumes the body and the soul of all people of the world."*

### **3.2 Definisi Rasuah**

Revisond Baswir (2002) menyatakan bahawa, rasuah atau korupsi dapat didefinisikan dengan berbagai cara. Namun demikian, bila dikaji secara mendalam, akan segera diketahui bahawa hampir semua definisi korupsi mengandung dua unsur di dalamnya. **Pertama**, penyalahgunaan kekuasaan yang melampaui batas kewajaran hukum oleh para pejabat atau aparatur negara; dan **Kedua**, mengutamakan kepentingan peribadi atau klien di atas kepentingan *public* oleh para pejabat atau aparatur negara yang bersangkutan. Dengan kedua-dua unsur tersebut, tidak aneh jika Syed Hussein Alatas (1999) cenderung menyebut korupsi sebagai suatu tindakan pengkhianatan (pengengkaran amanah). Tetapi justeru kerana sifat korupsi yang seperti itu, upaya untuk mendefinisikan korupsi cenderung memiliki masalah pada dirinya sendirinya. Disedari atau tidak, upaya untuk mendefinisikan korupsi hampir selalu terjebak ke dalam dua jenis *standard* penilaian yang belum tentu akur satu sama lain, iaitu norma hukum yang berlaku secara formal dan norma umum yang hidup di tengah-tengah masyarakat. Akibatnya, suatu perbuatan yang dikategorikan sebagai korupsi secara hukum, belum tentu dikategorikan sebagai perbuatan tercela bila ditinjau dari segi norma umum yang berlaku di tengah-tengah masyarakat. Sebaliknya, suatu perbuatan yang dikategorikan sebagai

korupsi dalam pandangan norma umum, belum tentu mendapat sanksi yang setimpal secara hukum.

Bertolak dari masalah pendefinisian korupsi atau rasuah yang cukup rumit tersebut, tanpa sengaja, kita sesungguhnya dipaksa untuk memahami korupsi sebagai suatu fenomena dinamis yang sangat erat kaitannya dengan pola relasi antara kekuasaan dan masyarakat yang menjadi konteks berlangsungnya fenomena tersebut. Artinya, fenomena korupsi hanya dapat difahami secara utuh jika ia dilihat dalam konteks struktural kejadianya. Pernyataan ini sama sekali bukan untuk menafikan keberadaan korupsi sebagai sebuah fenomena kultural, melainkan sekadar sebuah penegasan bahwa fenomena korupsi juga memiliki dimensi struktural yang sangat penting untuk diselidiki guna memahami fenomena korupsi secara utuh (Revisond Baswir 2002).

Vito Tanzi (1998) pula menyatakan bahawa:

*"The most popular and simplest definition of corruption is that, it is the abuse of public power for private benefit. This is the definition used by the World Bank. From this definition it should not be concluded that corruption cannot exist within private sector activities. Especially in large private enterprises, corruption clearly does exist, as for example in procurement or even in hiring. It also exists in private activities regulated by the government. Sometimes, the abuse of public power is not necessarily for one's private benefit but for the benefit of one's party, class, tribe, friends, family, and so on. In fact, in many countries some proceeds of corruption go to finance the activities of the political parties. Not all acts of corruption result in the payment of bribes. For example, a public employee who claims to be sick but goes on vacation is abusing his public position for personal use. Thus, he is engaging in an act of corruption even though no bribe is paid. The president of a country who has an airport built in his small hometown is also engaging in an act of corruption that does not involve the payment of a bribe. It is important to distinguish bribes from gifts. In many instances, bribes can be disguised as gifts."*

Klitgaard (1998) menganggap "**corruption is the misuse of office for unofficial ends.**" Beliau seterusnya menerangkan bahawa:

*"Corruption or 'level of corruption' is widely used in public discourse and usually hold a twofold common-sense meaning. On one hand it stands for those illegal practices, in which citizens or organizations bribe officials in charge for awarding permissions, contracts, or to escape punishment or fines for offenses they committed. Simpler: to obtain privileges against law or against the rules of some bureaucracy. This is the narrow definition of corruption. Many scholars argue, however, that corruption is a broader phenomenon, or rather, a hardly definable set of phenomena, including achieving several advances through personal networking; paying gratitude money or giving gifts for usual services, what are already reimbursed from customers, or state resources."*

Heidenheimer (1989) menganggap bahawa:

*"But there is another problem with the broad definition of corruption because it's largely depend on culture, historic age, actual social climate and social groups, which activities can be perceived as corruptive. Whereas the narrow definition can usually be read from the more or less uniform laws throughout the countries, the definition, and even more the structure and the patterns of those what we call corruptive activities, are deviating in a wide and rather undiscovered range."*

Selain itu, perkataan rasuah dipercayai berasal dari perkataan Arab yang berbunyi "al-risywah". Dalam Al-Quran, perkataan rasuah digolongkan dalam kata umum batil iaitu meliputi juga perbuatan jenayah lain seperti merompak, memeras ugut dan menipu ([www.bpr.gov.my](http://www.bpr.gov.my)).

Abdul Samat Kasah (2002) memetik kata-kata P.G Osborne di dalam kamus Concise Law Dictionary (1994) yang mentakrifkan "*bribery and corruption*"

sebagai perbuatan "*giving or offering any reward to any person to influence his conduct; or the receipt of such reward.*" Sementara John B. Saunders pula menjelaskan lagi dalam Mozley and Whiteley's Law Dictionary dengan memberikan definisi *corruption* sebagai "*the taking or giving of money for the performance or non-performance of a public duty.*"

Abdul Halim Ibrahim (1998) telah memetik kata-kata Robert C. Brooks (1910) dan juga J. J. Senturia (1975) yang menyatakan bahawa, rasuah boleh didefinisikan sebagai:

"dengan sengaja melakukan kesalahan atau melalaikan tugas yang diketahui sebagai kewajipan, atau tanpa hak menggunakan kekuasaan dengan tujuan untuk memperolehi keuntungan yang bersifat peribadi."; dan

"penyalahgunaan kuasa yang telah diamanahkan kepada seseorang untuk kepentingan diri sendiri. Rasuah berlaku apabila orang-orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat dan diberi kepercayaan untuk menentukan sesuatu tindakan tetapi telah mengorbankan amalan dan kepercayaan ini untuk kepentingan diri sendiri."

Manakala Goldstein (1975) mentafsirkan rasuah sebagai:

*"An act involving the misuses of authority by a law enforcement officer, in manner designed to produce personal gain for himself or others. It is not limited to monetary gain and the gain may be in the form of services rendered, status, influence, prestige, or future support for the officer or someone else."*

Walau bagaimanapun, dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575), tidak wujud takrifan atau tafsiran yang khusus mengenai perkataan rasuah. Walau bagaimanapun, perbuatan rasuah yang banyak dititikberatkan ialah "memberi atau menerima apa-apa suapan" oleh penjawat awam atau orang awam sebagai satu dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu

perbuatan yang ada kaitan atau hubungan dengan hal-ehwal atau perniagaan prinsipalnya. Sementara istilah perbuatan rasuah diberi secara ringkas maksudnya di bawah seksyen 15(2) Akta tersebut yang berbunyi:

"Seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akhirnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk mendapatkan suapan apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung."

Walau apapun, rasuah adalah suatu jenayah yang telah berakar umbi dalam sejarah peradaban manusia. Ada pihak berpendapat bahawa ia adalah satu fenomena yang wujud dengan kewujudan manusia itu sendiri dan adalah mustahil untuk membasminya secara total. Pakar sosiologi, De Speville menjelaskan "*corruption cannot be eradicated in any society. It can only be reduced to and contained at a level where it no longer gnaws at the heart of the society. It will continue because it is motivated by two fundamental aspects of human nature, need and greed.*"

Syed Hussein Alatas (1995) mengatakan rasuah ialah "penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi". Beliau telah menyenaraikan beberapa ciri rasuah dan di antaranya rasuah sentiasa melibatkan lebih dari satu orang; secara keseluruhan rasuah melibatkan rahsia di antara mereka yang terlibat; rasuah mempunyai elemen tanggungjawab bersama dan keuntungan bersama; pengamal rasuah biasanya berusaha untuk menyamakan aktiviti dengan menggunakan justifikasi dari segi undang-undang sebagai jalan terakhir; orang yang terlibat dalam rasuah adalah orang yang mahukan keputusan yang pasti; mereka juga mahukan pihak yang boleh mempengaruhi keputusan-keputusan tersebut; mana-mana tindakan rasuah melibatkan penipuan, yang biasanya dilakukan terhadap sektor awam atau masyarakat umum; dan rasuah

juga melibatkan percanggahan dwi fungsi bagi mereka yang memerlukannya. Orang yang memerlukan rasuah mengutamakan kepentingan diri sendiri, sehingga menjelaskan kepentingan majikan atau organisasi dan tindakan rasuah menyalahi norma-norma tanggungjawab dan kewajipan peraturan sivik, misalnya individu mempunyai tanggungjawab sivik masing-masing dan rasuah dilakukan dengan menjelaskan tanggungjawab tersebut.

Syed Hussein Alatas (1980) juga menjelaskan bahawa, terdapat tiga elemen yang membentuk satu perlakuan jenayah iaitu sogokan, peras ugut dan nepotisme. Rasuah juga adalah satu jenayah yang sentiasa berhubung kait dengan kuasa sebagaimana teori Actonian Generalization yang mengatakan "*power corrupts, absolute power corrupt absolutely*". Dari ciri-ciri yang digariskan di atas didapati bahawa, kuasa membuat keputusan adalah merupakan suatu elemen penting dalam setiap perlakuan rasuah. Tiada siapa yang ingin merasuah seseorang yang tidak mempunyai apa-apa kuasa atau kaitan dengan sesuatu kuasa. Abdul Rahman Ibn Khaldun (1406) menyatakan bahawa, "*the root cause of corruption is the compassion for luxurious living within the ruling group*".

Dalam sejarah perundangan Malaysia, kes PP v Dato Harun Bin Haji Idris telah menjadi satu kes yang menjadi rujukan bagi kes-kes rasuah. Y.M. Hakim Mahkamah Persekutuan semasa itu, Raja Azlan Shah telah memutuskan dan memberikan definisi rasuah dengan menyatakan bahawa, "rasuah adalah persoalan tentang niat jika keadaan tertentu menunjukkan seseorang itu telah melakukan atau telah tidak melakukan sesuatu dengan niat yang jahat atau fikiran yang salah, jadi beliau bersalah di bawah seksyen ini. Jika sittetuduh telah menggunakan kedudukan beliau untuk mendapatkan rasuah dengan fikiran yang salah, beliau bersalah mengikut peruntukan di dalam seksyen ini." Sementara dalam satu kes yang lain pula, Hakim Shepard memutuskan bahawa rasuah adalah melakukan sesuatu perbuatan yang diketahui bahawa perbuatan

itu adalah salah, melakukan dengan naluri perasaan yang jahat, berserta dengan niat yang bertujuan jahat (Abdul Samat Kasah 2002).

Selain itu, Syed Hussein Alatas (1990) menolak andaian bahawa *gift-giving* merupakan salah satu bentuk rasuah dengan alasan bahawa *traditional gifts* tidak dibuat secara rahsia dan ia lebih menyerupai sebagai bayaran yuran dan bukannya rasuah. Ia tidak dianggap mempengaruhi sesuatu keputusan. Bagi Syed Hussein Alatas (1986) dan (1999), terdapat tiga tahap rasuah iaitu:

- a. *restricted, not necessary to bribe to live (bribe optional);*
- b. *rampant and all pervading (bribes normal); and*
- c. *self-destructive, extortion, protection money (bribes unavoidable).* “

Syed Farid Alatas (Januari 1999) pula mentakrifkan rasuah sebagai pencurian melalui penipuan terhadap badan pemerintah, syarikat swasta ataupun orang awam dan terdiri daripada tiga komponen iaitu penyuapan, pemerasan dan nepotisme. Bagi beliau, terdapat suatu benang yang menghubungkaitkan ketiga-tiga jenis rasuah ini, iaitu meletakkan kepentingan masyarakat umum di bawah kepentingan peribadi serta pecah amanah. Suatu ciri rasuah yang penting diperhatikan ialah mereka yang terlibat dalam kegiatan rasuah sebenarnya mempunyai dwi fungsi. Umpamanya, ketika seorang pegawai disuap oleh pihak yang menawarkan pemberian supaya mengeluarkan lesen perniagaan, perbuatan mengeluarkan lesen itu merupakan fungsi sama ada dari segi jawatannya mahupun dari segi kepentingan peribadinya.

Syed Farid Alatas (Januari 1999) seterusnya menerangkan bahawa, jenis negara yang dikuasai oleh rasuah boleh digelar sebagai kleptokrasi (tabiat suka mencuri) dan istilah ini telah digunakan buat pertama kalinya oleh seorang ahli sosiologi yang bernama Stanislav Andreski di mana di antara ciri negara kleptokratis adalah seperti berikut:

- a. ia sejenis jenayah (kriminaliti) negara;

- b. ia berdasarkan kepada rasuah egoistik;
- c. hubungan rasuah adalah antara ahli politik dan birokrat pada satu pihak dengan ahli kelas permodal pada pihak lain;
- d. rasuah merupakan salah satu daripada alat pengumpulan modal yang utama dan dapat dianggap sebagai faktor pengeluaran yang kelima;
- e. ia berasaskan kepada peranan dwifungsi negara dalam proses pembangunan;
- f. ia berdasarkan kepada permintaan dan penawaran pertolongan;
- g. ia menjadi sifat negara yang berautonomi secara relatif terhadap kelas permodal;
- h. kleptokrasi adalah bersifat transistemik, iaitu ia terdapat di kedua-dua negara demokrasi dan autoriter;
- i. negara kleptokratis adalah oligarki, iaitu negara yang dikuasai oleh segolongan kleptokrat egoistik yang kecil; dan
- j. dalam sebuah negara kleptokratis, kebanyakan pegawai negara terlibat dalam rasuah, sekurang-kurangnya secara berskala kecil, supaya *status quo* dapat dikekalkan. Pertikaian dan pertentangan dari dalam negara dielakkan.

Bagi Syed Farid Alatas (Januari 1999), terdapat perbezaan antara rasuah egoistik dan rasuah solidaristik. Rasuah solidaristik merujuk kepada segala tindakan rasuah yang bertujuan untuk membantu kaum keluarga dan sahabat disebabkan oleh perasaan kewajipan moral dan timbal balas. Ia seringkali didorong oleh kepatuhan kepada apa yang difahami sebagai norma masyarakat. Rasuah egoistik pula berasaskan kepada keinginan untuk keuntungan peribadi. Perbezaan ini membolehkan seseorang mengkritik teori budaya rasuah yang mengatakan bahawa tindakan rasuah itu adalah selaras dengan nilai tradisional di mana orang tua membantu ahli keluarga yang muda. Tambahan pula, dengan kemunculan masyarakat moden, ukuran baru digunakan untuk mempertimbang dan mengadili amalan-amalan lama yang dirujuk sebagai rasuah. Huraian seumpama ini digunakan untuk mempertahankan dan memberikan rasuah ataupun mengungkapkan sikap pesimis terhadap kawalan rasuah. Tetapi teori

budaya ini dapat diterapkan hanya pada kes rasuah solidaristik semata-mata. Pada pihak lain, negara-negara kleptokratis dihinggapi rasuah egoistik dalam mana ikatan kepuaan dan keluarga luas tidak berpengaruh atau tidak wujud lagi.

United Nations Office On Drugs and Crime (UNDCP-13/2/03) menyatakan bahawa, perkataan *corruption* berasal dari perkataan Latin iaitu "corruptus" (*to break*) dan dari segi konsepnya, rasuah merupakan satu tingkahlaku atau perangai yang bercanggah dari segi etik, moral, tradisi dan undang-undang. Selain itu, World Bank dan Transparency International juga berpendapat bahawa, "*corruption as the use of one's public position for illegitimate private gains*".

Information International in Lebanon pula mendefinisikan rasuah sebagai berikut:

*"Corruption is the behaviour of private individuals or public officials who deviate from set responsibilities and use their position of power in order to serve private ends and secure private gains."* (Lebanon Anti-Corruption Initiative Report 1999).

Dipetik dari United Nations Office On Drugs and Crime (UNDCP-13/2/03)

Walau bagaimanapun, bagi John G. F Carey (2000), Pieter Bottelier (1998), Cheryl W. Gray dan Daniel Kaufmann (Mac 1998), dan juga Prof. Mohammad Mohabbat Khan berpendapat bahawa:

*"Corruption in the context of today's column can be defined as the abuse of public office for private gain. Besides that, bribery, cronyism and rigged procurement are all forms of corruption. Corruption is a social, legal, economic and political concept enmeshed in ambiguity and consequently encouraging controversy."*

Walau apapun definisi rasuah yang diberikan, bagi Y.B. Dato' Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya di Seminar Muafakat Memerangi Rasuah di PWTC

pada 19 Julai 1997 menyatakan bahawa, rasuah mempunyai pengertian yang cukup kompleks dan historikal. Katanya, dari segi penjenisannya, rasuah tidak hanya terbatas sebagaimana definisi yang biasa digunakan oleh masyarakat umum, iaitu "pemberian berupa wang, hadiah atau sebagainya kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pulangan, atau habuan untuk kepentingan peribadi atau kelompok dengan mudah."

Dari penjelasan di atas, bolehlah dikatakan bahawa pengertian rasuah adalah jauh lebih kompleks di mana rasuah turut merangkumi aspek motif dan hubungan interpersonal, strategi dan wawasan, serta perundungan dan keagamaan. Dari segi motif misalnya, seseorang, itu dianggap melakukan rasuah jika motifnya ketika melakukan sesuatu pekerjaan diselitkan dengan kepentingan peribadi atau kelompok. Di samping itu, persoalan rasuah ini bertambah kompleks jika kita melihat aspek kepelbagaian strategi politik atau pembiagaan, sebagai satu wahana untuk bersaing dengan organisasi atau kelompok lain.

Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed juga bersetuju dengan saranan Y.B. Dato' Seri Najib Tun Razak dengan menyatakan bahawa:

*"Corruption is better known as a practice which enables someone to obtain remuneration through illegitimate means".* ([www1.jaring.my/bpr](http://www1.jaring.my/bpr))

Selain itu, dalam masyarakat tempatan juga telah wujud beberapa simpulan bahasa yang memberi makna rasuah seperti "tumbuk rusuk", "makan suap" dan juga ungkapan *under counter payment*, duit kopi dan sebagainya. Dalam al-Quran, rasuah digolongkan dalam kata umum batil, iaitu meliputi juga perbuatan jenayah lain seperti merompak, memeras ugut dan menipu. Di negara ini dari segi undang-undang, semua perbuatan memberi dan menerima suapan adalah merupakan sebahagian daripada perbuatan dan kesalahan jenayah rasuah (Utusan Malaysia, 11/5/2001).

Daripada definisi-definisi di atas jelas menunjukkan bahawa rasuah adalah sesuatu pemberian yang bernilai kepada seseorang yang mempunyai kuasa terhadap sesuatu peraturan atau perundangan. Secara umumnya sesuatu konsep perniagaan adalah bermatlamatkan keuntungan dari apa yang diusahakannya. Sebagai seseorang pengusaha, pemberian rasuah yang diberikan kepada orang lain juga adalah merupakan suatu kos terhadap pengeluarannya. Sebagai contoh, pemaju perumahan yang memerlukan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) akan menaikkan harga bagi rumah yang dijualnya apabila mereka telah memberikan rasuah. Sekiranya rasuah menjadi amalan, harga rumah akan terus meningkat kerana ianya juga merupakan sebahagian daripada kos operasinya. Tambahan pula pemaju juga boleh bertindak dengan membina rumah-rumah yang kurang berkualiti bagi mengurangkan kos pembinaannya. Begitu juga dengan barang-barang pengguna yang lain juga akan meningkat sekiranya amalan keji ini menular di dalam negara ini.

Dari perspektif agama Islam pula, rasuah merupakan satu perbuatan dosa yang sangat dimurkai Allah sebagaimana firman Allah s. w. t. yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)". (Surah Al-Baqarah, ayat 188)

Mengikut catatan lembaran sejarah Islam, kaum Quraish begitu kecewa dengan ketegasan Rasulullah s.a.w. Bagaimanapun, mereka mengubah strategi. Kali ini mereka menggunakan Abu Talib, iaitu bapa saudara Rasulullah s.a.w. supaya memujuk Baginda agar tidak lagi menyebarkan Islam. Mendengar pujukan tersebut, Rasulullah s.a.w. bersabda dengan tegas:

"Sekiranya bulan diletakkan di tangan kananku dan matahari di tangan kiriku, nescaya aku tidak akan sekali-kali meninggalkan dakwah Islamiah."

Sebenarnya, tujuan Islam, agama-agama lain dan juga perundangan negara mengharamkan rasuah adalah untuk menghalang berleluasanya ketidakadilan sosial. Ketidakadilan ini berlaku kerana pemilikan atau apa sahaja bentuk ganjaran terhadap sesuatu pihak tidak diasaskan kepada ciri-ciri yang sewajamnya. Apabila ketidakadilan ini menular dan semakin berakar-umbi, maka survival sesebuah masyarakat akan terancam, pertumbuhan ekonomi negara akan tergugat, kestabilan politik negara akan terancam, nilai dan etika akan dipinggirkan, golongan kaya akan menjadi semakin kaya dan sebagainya. Itulah sebabnya budaya rasuah ini dianggap sebagai perkara yang amat keji. Ia bukan sahaja boleh meruntuhkan negara malahan juga agama sendiri. Ini disebabkan gejala rasuah sememangnya mempunyai elemen penindasan, penganiayaan dan kezaliman.

Selain itu, rasuah itu bukan hanya berlaku di bidang perniagaan atau keusahawanan, bahkan juga di bidang-bidang lain seperti politik, intelektual, budaya, peradaban dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalam membahaskan soal rasuah ini, skopnya tidaklah dihadkan kepada rasuah dalam bentuk wang, hadiah atau aspek-aspek kebendaan semata-mata sahaja.

UMNO sebagai teraju Kerajaan Barisan Nasional menyedari hakikat ini dan sebagai parti yang terbesar, UMNO telah mengorak langkah untuk membendung amalan politik wang dan penyalahgunaan kuasa yang sampai pada kemuncaknya dalam tahun 1993. Setahun kemudian, UMNO mengadakan satu persidangan khas untuk meminda perlumbaan parti bagi membendung politik wang. Perwakilan UMNO berjumlah 1,761 orang yang mewakili lebih 2 juta ahli telah bermuafakat untuk memerangi politik wang dan rasuah. Pengakuan terbuka UMNO mengenai adanya politik wang dan rasuah merupakan satu langkah yang berani dan menunjukkan kesungguhan parti untuk membendung amalan ini. Usaha kita melahirkan orang yang terbaik di dalam budaya politik tidak akan tercapai jika mereka ini bekerja kerana sogokan, dan bukan melalui kerja kuat serta komitmen yang tinggi terhadap perjuangan parti.

Walaupun kita mengakui peranan yang dimainkan oleh pihak pembangkang, parti Kerajaan Barisan Nasional, khususnya UMNO telah mengambil sikap proaktif untuk membendung rasuah dari menjadi amalan biasa dalam masyarakat. Perdana Menteri, dan Presiden UMNO Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di akhir persidangan khas 1994 telah menyatakan dalam ucapannya bahawa:

"Saya harap kita bukan saja akan meluluskan pindaan pertembagaan pada hari ini, tetapi juga kita akan dengan ikhlas berikrar akan patuh kepadanya, akan mengamalkan nilai-nilai yang mulia dan akan menjayakan penguatkuasaan undang-undang."

Sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk membendung gejala rasuah, Akta Pencegahan Rasuah 1961 telah dipinda. Pindaan ini, antara lainnya memperuntukkan denda yang lebih tinggi kepada pesalah. Ia juga memperuntukkan tindakan undang-undang ke atas mereka yang memberi maklumat palsu atau memfitnah seseorang melakukan rasuah. Di samping itu, Pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan ditambah serta diberi kuasa yang lebih untuk menjalankan siasatan. Di bawah rang undang-undang baru ini, pendakwaraya boleh meminta seseorang menjelaskan harta yang dimilikinya dengan-membuat kenyataan bersumpah. Pendakwaan akan dibuat jika seseorang gagal memberikan penjelasan yang memuaskan berhubung pemilikan harta melebihi pendapatan di dalam kenyataannya. Selain dari itu pegawai BPR dengan kebenaran pendakwaraya boleh pergi mendapatkan maklumat terus di bank dan institusi kewangan (Abdul Samat Kasah 2003).

Cadangan untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil kepada orang yang memberi maklumat palsu atau fitnah adalah konsisten dengan sistem demokrasi. Jika demokrasi menjamin hak rakyat bersuara tentang gejala-gejala buruk seperti rasuah, perlu juga hak orang dituduh dilindungi agar ketidakadilan dapat dielakkan. Sehubungan dengan itu, Kabinet telah mengarahkan BPR tidak mendedahkan kes penyiasatan yang dijalankan sehingga adanya bukti-bukti

yang kukuh untuk mendakwa seseorang di mahkamah. Ini untuk memastikan berlakunya keadilan ke atas mereka yang disiasat dan mengelak dari tercemarnya nama baik mereka sebelum tuduhan terbukti (Abdul Samat Kasah 2003)

Di bawah Seksyen 20, Akta Pencegahan Rasuah 1997 menyatakan bahawa, orang yang membuat aduan palsu atau kenyataan bercanggah kepada BPR boleh didakwa dan jika sabit kesalahan boleh didenda RM 100,000 atau penjara 10 tahun atau kedua-duanya. Sebarang tuduhan rasuah yang dilemparkan kepada pemimpin, pegawai Kerajaan atau orang lain akan mencemarkan nama baik dan maruah, apa lagi apabila media melaporkan siasatan yang dijalankan. Fasa baru ini akan mengelakkan laporan palsu dan tidak benar, dan juga pembaziran tenaga, masa dan wang BPR. BPR juga tidak akan menyiasat surat-surat layang yang diterima kecuali ia dilampirkan dengan dokumen yang sahih untuk menyokong tuduhan yang dibuat.

Seksyen 16 di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997, juga memperincikan dengan lebih khusus perbuatan rasuah yang mana seseorang menggunakan kedudukannya untuk membuat keputusan atau tindakan yang memberi manfaat kepada sekutu atau saudara terdekatnya. Perbuatan ini dianggap sebagai mendapatkan manfaat diri sendiri.

Di samping itu, jentera-jentera Kerajaan perlu diperkemaskan lagi supaya ianya bersih, efisien dan telus untuk mengurangkan kemungkinan atau situasi yang boleh membawa kepada amalan rasuah. Usaha mestil dilakukan untuk memastikan urusan Kerajaan teratur dan jelas, dan menghindar dari berlakunya kelewatan yang disengajakan atau kerena birokrasi yang diada-adakan.

### **3.3 Bentuk-Bentuk Rasuah**

Vito Tanzi (1998) menyatakan bahawa:

*"Acts of corruption can be classified in different categories. Corruption can be: bureaucratic (or "petty") or political (or "grand"); for example, corruption by the bureaucracy or by the political leadership; cost-reducing (to the briber) or benefit enhancing; briber-initiated or bribee-initiated; coercive or collusive; centralized or decentralized; predictable or arbitrary; and involving cash payments or not."*

Bagi U. Myint (2000):

*"Corruption is defined as the use of public office for private gain, or in other words, use of official position, rank or status by an office bearer for his own personal benefit. Following from this definition, examples of corrupt behaviour would include: (a) bribery, (b) extortion, (c) fraud, (d) embezzlement, (e) nepotism, (f) cronyism, (g) appropriation of public assets and property for private use, and (h) influence peddling."*

Robert Manchin (2000) dan Heidenheimer (1989) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis rasuah iaitu:

***"Public Office-Centered Corruption:*** *Corruption is behavior which deviates from the formal duties of a public role because of private-regarding (close family, personal, private clique) pecuniary or status gains; or violates rules against the exercise of certain types of private-regarding influence.*

***Market-Centered Corruption:*** *A corrupt civil servant or business administrator regards his (public) office as a separate business, the income of which he will seek to maximize. The office then becomes a "maximizing unit". The size of his income depends upon the market situation and his talents for finding the point maximal gain on the public's or clients demand curve.*

***Public Interest-Centered Corruption:*** *The pattern of corruption can be said to exist whenever a power holder who is charged with doing certain things, i.e., who*

*is responsible functionary or officeholder, is by monetary or other rewards not legally provided for, induced to take actions which favor whoever provides the rewards and thereby does damage to the public and its interests."*

Mengikut The World Bank's World Development Report, 1997:

*"By definition a high level of corruption is antithetical to good governance. Corruption takes many different forms, including practices such as bribery, extortion, influence peddling, nepotism, fraud, embezzlement, and abuse of insider knowledge. Some forms of corruption, such as fraud and embezzlement, are internal to an organization (whether public or private); others, such as bribery and extortion, involve an interaction between the public and private sectors."*

### **3.4 Kajian-Kajian Mengenai Rasuah**

Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah mengenal pasti kelewatan proses kelulusan permohonan dan prosedur kawalan yang longgar di pejabat tanah dan daerah (PTD) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) merupakan punca gejala rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Kelemahan itu dikenalpasti BPR selepas kajian selama empat bulan bermula Januari 2003 ke atas 74 PTD dan PBT di seluruh negara yang juga mendapati bahawa kelewatan kelulusan itu disebabkan sistem pendaftaran secara manual selain kekurangan kakitangan dan latihan. Ketua Pengarah BPR, Datuk Zulkifli Mat Noor berkata bahawa, kajian itu juga mendapati terdapat kes pemprosesan permohonan, pemberian hak milik tanah dan pindah milik tanah di PTD serta permohonan dan kelulusan lesen menjaya berlarutan sehingga lima tahun. Bellau berkata, kelewatan itu dikesan di beberapa peringkat terutamanya ketika proses penyediaan kertas ringkasan untuk dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah (Berita Harian, 21/5/03).

Kajian BPR di atas juga mendapati bahawa kelewatan itu bukan disebabkan oleh penugasan sebenar atau aspek teknikal tetapi disebabkan tidak diambil tindakan

dan fail diperap sehingga ada unsur 'pelincir' untuk membolehkannya diproses. Kelewatan ini merupakan satu faktor yang boleh dieksloitasi oleh individu untuk kepentingan sendiri. Walaupun PTD dan PBT mempunyai amalan, sistem dan tatacara kerja, masalah kelewatan memproses permohonan masih berlaku sehingga dieksloitasi terutama oleh mereka yang terbabit dalam proses itu. Hasil kajian itu akan dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Integriti pada bulan Jun 2003 nanti. BPR akan mengemukakan cadangan kepada jawatankuasa tersebut untuk tindakan selanjutnya oleh PTD dan PBT dalam usaha menutup ruang bagi membolehkan berlakunya rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan (Berita Harian, 21/5/03).

Menurut Ketua Pengarah BPR, pemeriksaan yang dilakukan ke atas 41 PTD dan 33 PBT itu bukanlah bertujuan untuk mencari salah sebaliknya untuk menilai amalan, sistem dan tatacara kerja di jabatan berkenaan. Ia adalah sebahagian daripada program pencegahan yang dilakukan BPR dalam usaha membentera rasuah di dalam sektor awam. Matlamat BPR ialah supaya amalan, sistem dan tatacara kerja berjalan dengan baik bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kepada rakyat. Sementara itu, BPR akan meneruskan pemeriksaan ke atas jabatan dan agensi lain bagi memastikan segala amalan, sistem dan tatacara kerja tidak mendorong kepada amalan rasuah. Ia dilakukan bagi memastikan orang ramai sentiasa mendapat perkhidmatan terbaik, pantas dan cekap (Berita Harian, 21/5/03).

Sebelum ini, laporan khas Berita Harian mendedahkan kerentak birokrasi dalam pentadbiran dan pengurusan pejabat tanah sehingga ada permohonan yang dikemukakan 50 tahun lalu belum diselesaikan. Tinjauan di kalangan ejen hartanah, juruelong berlesen dan beberapa kerani firma guaman mendapati amalan menyogok wang berleluasa sejak dulu dan ada pelanggan sedia membayar sogokan bagi mempercepatkan urusan. Beberapa pihak memberitahu proses pengeluaran surat keizinan memindah hak milik harta negara pegangan gadaian biasanya mengambil masa kira-kira tiga bulan tetapi boleh disingkatkan

kepada seminggu atau selewat-lewatnya sebulan selepas dibayar wang sogokan kepada orang tengah. Wang sogokan yang diminta ialah antara RM300 dan RM500, bergantung kepada orang tengah yang menjadi perantaraan (Berita Harian, 21/5/03).

Sebelum itu, Biro Pengaduan Awam (BPA) di Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa aduan mengenai pejabat tanah adalah kedua paling tinggi diterima selepas aduan terhadap pihak berkuasa tempatan. Pada 1999, BPA menerima 553 aduan terhadap pejabat tanah dan meningkat kepada 805 aduan pada 2000 lalu, manakala sehingga Jun tahun lalu pula, 454 aduan diterima terhadap agensi itu dengan purata 40 hingga 50 peratus aduan itu adalah berasas. Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan memulakan kajian menyeluruh bagi menangani kerentan birokrasi di pejabat tanah di seluruh negara selepas menerima aduan orang ramai seperti masalah kelewatan dalam menguruskan pengeluaran geran (Berita Harian, 21/5/03).

U. Myint (2000) pula menyatakan bahawa:

*"In a recent survey of 150 high level officials from 60 third world countries, the respondents ranked public sector corruption as the most severe obstacle confronting their development process. Countries in the Asia and Pacific region are also very worried about this problem and they are in substantial agreement that corruption is a major constraint that is hindering their economic, political and social development, and hence view it as a problem requiring urgent attention at the highest level."*

U.Myint (2000) berpendapat bahawa:

"A corruption equation can be set out as follows:

$$C = R + D - A$$

In the above equation, **C** stands for corruption, **R** for economic rent, **D** for discretionary powers, and **A** for accountability. The equation states that the more opportunities for economic rent (*R*) exist in a country, the larger will be the corruption. Similarly, the greater the discretionary powers (*D*) granted to administrators, the greater will be the corruption. However, the more administrators are held accountable (*A*) for their actions, the less will be the corruption, and hence a minus sign in front of *A*. Stated differently, the equation tells us that a fertile ground for growth of a thoroughly corrupt system will emerge in a country if it satisfies the following three conditions:

- (i) It has a large number of laws, rules, regulations, and administrative orders to restrict business and economic activities and thereby creates huge opportunities for generating economic rent, and especially if these restrictive measures are complex and opaque and applied in a selective, secretive, inconsistent and non-transparent way;
- (ii) Administrators are granted large discretionary powers with respect to interpreting rules, are given a lot of freedom to decide on how rules are to be applied, to whom and in what manner they are to be applied, are vested with powers to amend, alter, and rescind the rules, and even to supplement the rules by invoking new restrictive administrative measures and procedures; and
- (iii) There are no effective mechanisms and institutional arrangements in the country to hold administrators accountable for their actions."

Di Malaysia, rasuah adalah satu jenayah yang memalukan. Ini berbeza dengan beberapa negara lain yang tidak segan silu melakukan perbuatan itu. Mereka meminta rasuah secara terang-terangan kerana menganggap bahawa rasuah adalah amalan biasa dalam budaya hidup mereka. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh satu pertubuhan antarabangsa mendapati bahawa pelabur Malaysia adalah yang paling tidak bersedia untuk menawarkan sebarang bentuk

rasuah bagi mendapatkan kontrak atau perolehan lain di luar negara. Kajian ini diketuai oleh Dr. Johann Graf Lambsdorff, yang bertanggungjawab mengeluarkan Indeks Persepsi Ketelusan Rasuah Antarabangsa. Di dalam kajiannya, beliau mendapati bahawa pelabur Malaysia di luar negara tidak melakukan sebarang rasuah untuk mendapatkan peluang kontrak atau tender. Di kalangan negara yang mempunyai pelaburan terbesar di luar negara, pelabur Malaysia dianggap paling bersih. Itulah sebabnya pelabur Malaysia enggan melabur di negara yang kadar rasuahnya begitu tinggi. Hasil kajian itu boleh diterima kerana kebiasaan pelabur Malaysia begitu berhati-hati untuk membuat sesuatu tawaran yang boleh mendatangkan kerugian kepada syarikat. Sebenarnya tidak ada sebab mereka perlu menghulurkan rasuah kerana sedar, jika mereka boleh menyediakan satu peruntukan tertentu untuk tujuan itu, syarikat antarabangsa yang lain juga boleh memberi tawaran yang lebih besar. Akhirnya wang habis, projek terlepas ke tangan syarikat lain. Oleh itu, pelabur Malaysia terpaksa mengemukakan permohonan tender berdasarkan rekod pencapaian yang tidak perlu disokong dengan sogokan (Berita Harian, 6/9/99).

Selain itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) mahu kerajaan mengkaji semula imbuhan untuk kakitangan awam secara keseluruhannya terutamanya di bandar-bandar besar dalam usaha mengurangkan kes menerima atau mengambil rasuah. Menurut Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Hussein, berdasarkan pemantauan BPR, satu daripada sebab kakitangan awam, terutamanya yang terlibat dengan penguatkuasaan undang-undang melakukan rasuah adalah kerana pendapatan mereka yang agak rendah untuk menampung kehidupan di bandar-bandar besar. Statistik menunjukkan, rasuah di kalangan orang bawah di dalam kakitangan kerajaan berpunca daripada keadaan tertekan dengan pendapatan yang kecil untuk menampung kos kehidupan yang tinggi di bandar-bandar besar (BERNAMA, 14/2/2001).

Beliau seterusnya menyarankan agar kakitangan awam seharusnya mempunyai pendapatan yang seimbang dengan kos kehidupan sesuatu tempat supaya

mereka dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Misalnya mereka yang mempunyai kuasa undang-undang seperti polis, pihak berkuasa tempatan, kastam dan imigresen, terutamanya yang berpangkat rendah akan memilih jalan lain untuk menampung kehidupan mereka. Jalan yang senang adalah dengan mengambil rasuah. Di samping itu, ada juga yang melakukan kegiatan memungut cukai perlindungan daripada peniaga-peniaga. Daripada statistik yang dikumpulkan, begitu ketara menunjukkan bilangan kakitangan perkhidmatan awam yang mengambil rasuah terutamanya penguatkuasa undang-undang (BERNAMA, 14/2/2001).

Menurut Abdul Samat Kasah (2002), di Malaysia terdapat satu soal selidik yang bertajuk, "Kajian Mengenai Pengetahuan, Sikap dan Nilai Orang Ramai Terhadap Rasuah" telah dijalankan oleh Sosio-Economic Research Unit (SERU) pada tahun 1991 di mana menurut tanggapan orang ramai, di antara sebab-sebab utama pegawai kerajaan menerima rasuah adalah seperti berikut:

|  |   |      |
|--|---|------|
| Tamakkan wang dan berbelanja lebih.... | - | 81%  |
| Tidak cukup diselia/awasi.....         | - | 71%  |
| Peraturan kerja tidak ketat dan        |   |      |
| memberi peluang perbuatan rasuah.....  | - | 70%. |

Pernyataan di atas disokong oleh satu tinjauan yang dibuat ke atas 1,000 orang pembayar cukai (terdiri daripada penjaja, peniaga kedai dan penduduk setempat) di Majlis Daerah Selayang yang mendapati bahawa, Pasukan Polis dianggap sebagai "highly corrupt" oleh 59.5% responden. Tempat Kedua jatuh kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (19.6%), diikuti dengan Majlis Daerah sendiri (7.3%), Pejabat Tanah (5.5%), Pejabat Peguam (1.1%), Jabatan Kesihatan (0.7%), Jabatan Alam Sekitar (0.4%) dan Jabatan Bomba (0.3%). Kajian atau tinjauan ini dijalankan oleh Malaysian Institute of Management dan Kuala Lumpur Society for Transparency and Integrity di Selayang Baru dan di Bandar Baru Selayang yang mempunyai populasi seramai 164,000 orang. 43% daripada

responden yang terlibat adalah pengusaha kecil dan sederhana di Majlis daerah Selayang. Selain itu, tinjauan yang dibuat juga mendapati bahawa, 60% kes rasuah di Majlis Daerah Selayang dilakukan oleh tuan punya perniagaan dan juga mereka yang berpendapatan tinggi. Kebanyakan responden juga menyatakan bahawa Kerajaan tidak bertindak cepat ke atas aduan rasuah yang dibuat sehingga mereka terpaksa membuang masa yang lama untuk membuat susulan kepada agensi berkenaan sebelum dapat mengetahui kedudukan sebenar aduan tersebut. Mereka juga mencadangkan agar pendidikan sivik yang berterusan perlu dibuat sama ada di televisyen, radio maupun di media cetak yang lain agar dapat meningkatkan kesedaran anggota masyarakat terhadap kesan buruk rasuah (Malaysiakini, 20/5/2002 oleh Claudia Theophilus).

Sebaliknya di Britain pula, satu kaji selidik telah dijalankan oleh Mirlees Black and Ross ke atas sejumlah 3027 pengilang dan usahawan pada tahun 1995. Hasilnya menunjukkan sejumlah besar responden berpendapat bahawa sedikit rasuah adalah perlu dalam dunia perdagangan. Menurut laporan tersebut, "*From some of the response , though, it was clear that one person's definition of bribery and extortion was another's definition of acceptable competitive business practise*". Ini menunjukkan bahawa pandangan dan nilai masyarakat terhadap rasuah berubah dari masa ke masa dan lebih dipengaruhi oleh kepentingan individu (Abdul Samat Kasah 2002).

Di Indonesia, menurut Muhammad Salim Zakaria (Mac 2001), satu kajian yang telah dijalankan di firma-firma pembuatan di Medan telah mendapati bahawa rasuah di Indonesia sudah merebak dan bermaharajalela laksana barah yang menggerogot ke semua sendi-sendi kehidupan masyarakat. Keadaannya sudah terlalu teruk hingga hampir tiada lagi urusan pelayanan masyarakat yang tidak mensyaratkan wang pelicin. Bahkan pelanggaran undang-undang dengan mudahnya diselesaikan melalui wang tutup mulut, denda damai dan sebagainya sehingga hukum sudah menjadi sesuatu benda yang dapat ditebus. Secara

khusus, penelitian ini mendapati wujudnya pelbagai bentuk pungutan liar dalam sektor firma pembuatan, antaranya:

- a. Surat Izin Usaha Industri sudah menjadi barang atau perkhidmatan yang diperjualbelikan;
- b. jalan umum yang dibangun oleh kerajaan seolah-olah sudah beralih pemiliknya kepada Polis Trafik, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Organisasi Masyarakat (Ormas) tertentu, iaitu mereka dengan seenaknya boleh mengutip pungutan liar ke atas setiap lori pengangkut barang yang melaluinya; dan
- c. berbagai Ormas tertentu boleh bertindak sebagai pengumpul cukai atas perusahaan industri, seolah-olah mereka merasa seperti pemegang saham atas syarikatnya.

"Yang kuasa akan selalu menang biarpun salah. Korupsi itu jelek, tetapi kalau ada orang memprotes korupsi, justru ia dianggap salah dan koruptornya (pengamal rasuah) yang aman sentosa," kata Rendra, penyajak terkenal Indonesia, sebagai mengkritik penyakit 'kekacauan nilai' di zaman Presiden Soeharto (Malaysiakini, 14/10/02).

Revisond Baswir (2002) menyatakan bahawa pelajaran yang dapat dipetik dari sejarah perkembangan korupsi di Indonesia adalah:

**"Pertama,** korupsi pada dasarnya berkaitan dengan perilaku kekuasaan. Mengikut kata Lord Acton, kekuasaan memang cenderung untuk korup. Kekuasaan yang berkuasa secara *absolute*, akan korup secara *absolute* pula; dan

**Kedua,** korupsi sangat erat kaitannya dengan perkembangan sikap kritis masyarakat. Semakin berkembang sikap kritis masyarakat, maka korupsi akan cenderung dipandang sebagai fenomena yang semakin meluas."

Katanya (Revisi sord Baswir 2002), krisis ekonomi yang melanda Indonesia pada penghujung 1997 dan awal 1998, sesungguhnya tidak lebih dari sekadar momentum sejarah yang menyebabkan meledaknya kemarahan masyarakat. Secara simbolik, kemarahan masyarakat memang tertuju kepada Soeharto dan militer. Tetapi penyingiran Soeharto dan militer dari gelanggang kekuasaan, sama sekali tidak akan mengurangi sikap kritis masyarakat terhadap perilaku kekuasaan. Sikap kritis masyarakat terhadap perilaku kekuasaan pasca kejatuhan Soeharto, sudah sangat berbeza dari masa sebelumnya. Bila demikian halnya, sangat wajar bila pemerintahan Presiden Abdurrahman Wahid sangat cepat terjerumus ke dalam tuduhan melakukan korupsi. Ini bukan soal volume korupsi. Bukan juga soal pembuktian tindakan tersebut secara hukum. Secara struktural, persoalan yang dihadapi oleh pemerintahan Presiden Wahid adalah persoalan hukum besi sejarah. Entinya, terlepas dari semakin meluas atau tidaknya praktik korupsi di Indonesia, setiap penguasa baru Indonesia harus berhadapan dengan hukum besi meningkatnya sikap kritis masyarakat terhadap perilaku kekuasaan.

Pada masa kini, politik dan masyarakat Korea Selatan pula sedang mengalami huru-hara bukannya disebabkan oleh apa yang berlaku sekarang tetapi oleh apa yang berlaku pada masa lampau di mana bekas Presiden Korea Selatan Chun Doo Hwan telah mengaku menerima wang rasuah berjumlah RM2.2 billion manakala seorang lagi bekas Presidennya Roh Tae Woo pula menerima wang rasuah RM1.62 billion. Lapan tahun penjawatan Chun Doo Hwan sebagai Presiden dan lima tahun penjawatan Roh Tae Woo sebagai Presiden bukannya satu tempoh di mana ekonomi meleset di Korea Selatan. Sebaliknya dalam tempoh itu ekonomi negara berkenaan berkembang dengan pesat sekali. Dalam tempoh penjawatan Chun sebagai presiden selama lapan tahun, ekonomi Korea Selatan berkembang dengan purata 7% setahun, mencapai 9.3% dalam 1983, manakala semasa Roh menjadi presiden, purata pertumbuhan ekonomi tahunan negara itu mencapai 7.5%, dengan pencapaian paling tinggi dalam 1988 iaitu 11.5%. Wang rasuah Presidensi Korea Selatan yang bernilai berbillion-billion

ringgit harus dijadikan sebagai pengajaran dan pembuka mata kepada rakyat Malaysia bahawa bukan sahaja wujudnya muka yang hodoh di sebalik kemajuan ekonomi, malah wujud juga muka-muka yang terselindung yang tidak diketahui buat masa sekarang. Contoh Korea Selatan harus dijadikan amaran kepada rakyat Malaysia supaya mengumumkan perang terhadap rasuah dengan sikap yang lebih serius, terutama sekali memandangkan Malaysia terletak tidak jauh sangat dari Korea Selatan dalam penempatan di atas indeks rasuah antarabangsa Transparency International. Korea Selatan berada di tempat ke-27 (Petikan Ucapan Y.B. Lim Kit Siang mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh Di Dewan Rakyat, 6/5/1996)

Selain itu, penjagaan alam sekitar juga tidak terlepas dari gejala rasuah di mana prosedur yang kompleks dan menyusahkan dalam usaha untuk melindungi alam sekitar telah membuka peluang kepada pegawai awam yang korup untuk menggunakan kuasa budi bicara mereka untuk menyegerakan sesuatu urusan. Ini biasanya melibatkan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan alam sekitar. Sebagai contohnya, peraturan mengenai penanaman pokok sebagai satu cara untuk melindungi alam sekitar dari pencemaran alam telah disalahgunakan oleh pegawai korup yang terlibat di dalam meluluskannya. Akibatnya, alam sekitar semakin tercemar akibat dari kerja-kerja penebangan pokok yang tidak terkawal dan sebagainya (Agarwal, Anil dan Sunita Narain 1998).

Di Bulgaria, menurut Vitosha Research Agency (Julai 2002) dalam satu kajian yang telah dibuat ke atas 100 orang usahawan dan pengurus industri kecil dan sederhana pada bulan Julai 2002 di antaranya mendapati bahawa:

*"The main activities identified as 'corruption' include: taking and giving bribes in the process of fulfilling public services (78,1%), using political power for personal gain (71,4%), giving money to speed up legal procedures (55,8%); 21,1% have to make unofficial payments in absolutely all cases in order to obtain public*

*procurement contracts; The main forms of bribery include: giving money (90,2%) or gifts (39,2%), political protection (37,5%) and personal connections on a family level or that of friends and acquaintances (34,4%); 50% of all businesspeople interviewed have made unofficial payments for obtaining public services; and Public-sector officials, who exercise the highest level of corruption pressure, are: customs officers, inspectors, lawyers and police officer."*

### **3.5 Punca Utama Jenayah Rasuah**

Menurut Abdul Samat Kasah (2003), pelbagai faktor dikaitkan mengapa seseorang itu melakukan perbuatan jenayah rasuah. Walau bagaimanapun secara ringkasnya, berdasarkan pengalaman BPR, perbuatan jenayah rasuah berlaku disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

#### **a. Ingin Hidup Mewah**

Dalam hal ini, seseorang yang ingin hidup mewah dan cepat kaya akan sentiasa mengejar kebendaan tanpa mengira halal haram. Apa yang dipentingkannya hanyalah nilai-nilai material semata-mata dengan membuang jauh tanggungjawabnya sebagai seorang penjawat awam yang diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab. Individu seperti ini tidak mahu mengambilkira langsung bahawa dengan melakukan perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa sebenarnya dia telah melakukan kezaliman, penganiayaan dan menafikan hak-hak orang lain atau memberikan hak sesuatu itu bukan kepada orang yang sepatutnya mendapat hak itu.

Sebagai contoh, oleh kerana seorang pegawai di Bahagian Bekalan menerima suapan secara rasuah, kontraktor yang sepatutnya dan layak membekalkan peralatan ketenteraan atau membekalkan makanan telah tidak dipilih. Perbuatan pegawai ini menyebabkan Kementerian Pertahanan atau Angkatan Tentera telah dinafikan peralatan atau makanan yang terbaik yang boleh dibekalkan oleh kontraktor berkenaan.

### **b. Hidup Suka Bermegah-Megah**

Di samping itu, sikap hidup yang suka bermegah-megah hingga seperti kata orang Perak, "biar pape asal bergaye" menjadi amalan. Menyara hidup pula melebihi pendapatan hingga terpaksa berhutang di sana sini. Malah ada yang sanggup berhutang dengan *chettiar* dan *loan sharks*. Akhirnya, akibat bebanan hutang, jenayah rasuah dilakukan.

### **c.Kurangnya Penghayatan Nilai-Nilai Murni**

Selain dari itu, kedangkalan ilmu-ilmu keagamaan, kurangnya penghayatan nilai-nilai murni dan hilangnya nilai-nilai akhlak yang baik juga menjadi antara faktor yang menyebabkan seseorang itu bergelumang dalam jenayah rasuah. Menurut seorang penulis, Carol W. Lewis: *The Ethics Challenge in Public Service*, perkataan "nilai" ialah "*beliefs about right and wrong*" manakala "etika" pula ditakrifkan sebagai "*thinking systematically about morals and conduct and making judgments about right and wrong*". (Dipetik dari <http://www1.jaring.my/bpr/bm/mukatama.html>)

Di samping itu, kerendahan moral ditambah dengan nafsu yang tidak lagi dapat membezakan antara nilai-nilai yang baik dan buruk hingga mengenepikan nilai-nilai suci dalam agama juga mendorong seseorang itu melakukan pelbagai kemaksiatan dan jenayah. Justeru itu, individu seperti ini akan memperhambakan dirinya kepada nafsu yang akan berterusan mengongkong kehidupannya.

### **d. Kurangnya Penyeliaan Oleh Pegawai Atasan**

Berdasarkan pengalaman BPR, kurangnya penyeliaan pegawai atasan akan menyebabkan mana-mana individu yang didorong oleh unsur-unsur yang tidak sihat akan mengambil kesempatan dari keadaan itu untuk melakukan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Kurangnya komitmen kepimpinan untuk mengenalpasti ruang-ruang yang boleh menyebabkan berlakunya perbuatan rasuah dan ditambah pula wujudnya pemimpin yang

akut untuk menjadi tidak popular, menyebabkan keadaan akan tidak terkawal. Selain itu, terlalu banyak penurunan kuasa tanpa pengawasan yang bijak oleh pegawai atasannya akan juga membuka banyak ruang kepada berlakunya perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

#### **e. Kelemahan Peraturan Atau Sistem Pelaksanaan Kerja**

Selain dari itu, longgarnya tatacara dan peraturan kerja, atau kelemahan dalam sistem pelaksanaan kerja itu sendiri, boleh menyebabkan sesebuah Jabatan / Agensi itu sentiasa terdedah dengan perlakuan-perlakuan seperti jenayah rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai dan kakitangannya. Di sini, sekali lagi komitmen kepimpinan khususnya, dan sikap serta perasaan bertanggungjawab semua kakitangan bagi memastikan ketelusan tatacara kerja dan sistem pelaksanaan kerja adalah sangat penting bagi menghindari dari berlakunya rasuah.

#### **f. Sosial Dan Kebudayaan**

Setiap kaum di negara ini mempunyai budaya hidup dan tradisi masing-masing berhubung dengan pemberian wang atau hadiah. Misalnya kaum Cina suka memberi "angpau" manakala tradisi orang Melayu pula suka memberi buah tangan, sedekah dan sebagainya pada masa-masa tertentu agar tidak disebut sebagai rasuah. Proses memberi dan menerima wang atau hadiah ini akhirnya akan mewujudkan suasana termakan budi atau "*social obligation*" dan sekiranya nilai moral masyarakat rendah, maka perbuatan rasuah mudah menular.

#### **g. Politik**

Sesetengah orang bergiat cergas di dalam politik bukan sahaja untuk berbakti kepada masyarakat tetapi juga untuk mengambil kesempatan menggunakan pengaruh dan meyalahgunakan kuasa untuk kepentingan sendiri. Dari sinilah timbulnya istilah seperti "*political business*" di mana terdapat di kalangan ahli

politik yang menjalankan perniagaan (walaupun tidak secara terbuka) dan seterusnya membuat dasar atau polisi yang secara tidak langsung akan memberikan keuntungan kepada perniagaannya atau perniagaan ahli keluarga, ataupun kawan-kawan rapatnya yang lain. Menurut Laporan Tahunan BPR 2001, di sepanjang tahun 2001, seramai 115 orang telah dituduh di mahkamah atas kesalahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Daripada jumlah itu seramai 66 orang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan badan-badan berkanun, 47 orang awam dan 2 orang dari golongan ahli politik. Ini menunjukkan ahli politik juga tidak terkecuali di dalam tindakan BPR menangani permasalahan rasuah di dalam negara ini.

Selain daripada faktor-faktor di atas, peluang yang dibuka ke arah perlakunya jenayah rasuah juga turut menyumbang kepada menularnya gejala ini di dalam masyarakat (Abdul Samat Kasah 2003). Misalnya Abdul Halim Ibrahim (1998) telah merujuk kepada dua kajiselidik yang dijalankan oleh Myron Weiner (1962) di India dan juga Syed Hussein Alatas (1980) di Indonesia. Di India, dari pungutan data yang dibuat didapati bahawa, memberi wang rasuah oleh ahli-ahli perniagaan kepada pegawai-pegawai kerajaan adalah sangat perlu kerana tanpa pemberian wang rasuah, satu-satu tugas itu tidak mungkin dapat dilaksanakan oleh kerana banyaknya peraturan-peraturan yang perlu diikuti.

Di Indonesia pula, dari wawancara yang dibuat ke atas seorang ahli perniagaan dan dermawan terkenal didapati bahawa, memberi wang rasuah di Indonesia adalah dianggap sebagai membayar haknya (*paying for his rights*) di samping untuk mendapatkan kerjasama serta kelulusan di dalam perkara-perkara rutin. Rasuah bentuk ini dianggap sebagai “*promoter of efficiency*” (Syed Hussein Alatas 1980).

### **3.6 Apakah itu Kesalahan Rasuah?**

Mengikut Badan Pencegah Rasuah Malaysia, seseorang itu boleh dianggap melakukan rasuah sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

**a. Meminta / Menerima Rasuah:**

Mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta/menerima/bersetuju menerima suapan rasuah (wang/benda/perkhidmatan dan lain-lain) sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan transaksi tersebut atau berkenaan dengan urusan rasmi, prinsipal/majikan berkenaan.

**b. Menawar / Memberi Rasuah:**

Mana-mana orang atau ejen secara rasuah meminta/menerima/bersetuju menerima suapan rasuah (wang/benda/perkhidmatan dan lain-lain) sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa jua berkenaan transaksi tersebut atau berkenaan dengan urusan rasmi, prinsipal/majikan berkenaan.

**c. Membuat Tuntutan Palsu:**

Mana-mana orang memberi kepada ejen atau ejen memberi kepada prinsipal/majikannya suatu dokumen yang diketahuinya atau disedarinya mengandungi butir matan palsu, yang mana prinsipal/majikannya mempunyai kepentingan, dengan tujuan untuk mengeliru/memperdayakan prinsipal/majikannya.

**d. Menyalahgunakan Jawatan/Kedudukan:**

Mana-mana pegawai badan awam menggunakan jawatan atau kedudukan untuk mendapat suapan dengan membuat apa-apa keputusan atau mengambil tindakan berhubungan dengan apa-apa perkara mengenainya, di mana pegawai itu, saudara maranya atau sekutunya ada kepentingan secara langsung atau tidak langsung.

### **3.7 Badan Pencegah Rasuah (BPR) Malaysia**

Badan Pencegah Rasuah (BPR), Malaysia mula beroperasi pada 1 Oktober 1967 sebagai sebuah jabatan penuh. Sebelum itu, BPR hanyalah sebuah unit kecil yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan khususnya ceramah. Pada masa itu juga, siasatan kes-kes rasuah dijalankan oleh Cawangan “*Special Crime*” yang diletakkan di bawah Jabatan Polis manakala pendakwaan kes-kes rasuah dikendalikan oleh Bahagian Pendakwaan, Kementerian Undang-Undang.

Penubuhan BPR sebenarnya adalah hasil daripada perbincangan dan cadangan kabinet ketika itu yang diterajui oleh Tun Dr. Ismail Bin Dato' Abdul Rahman. Sebelum itu, fungsi pencegahan, penyiasatan dan membenteras rasuah dipertanggungjawabkan di bawah tiga bahagian iaitu:

- a. Unit Pencegahan Rasuah di bawah Jabatan Perdana Menteri;
- b. Bahagian Jenayah Khas di bawah Jabatan Polis; dan
- c. Jabatan peguam Negara.

Ketiga-tiga fungsi di atas kemudiannya digabungkan di bawah satu agensi iaitu Agensi Pencegah Rasuah dan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pada 1 Julai 1973, BPR dijadikan sebuah badan bebas (jabatan tertutup) dan anggotanya bebas menjalankan tugas untuk negara dan sehingga kini BPR diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. BPR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di bawah Seksyen 3(2) Akta Pencegahan rasuah 1997 atas nasihat Y.A.B. Perdana Menteri dan beliau dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pengarah. BPR kini mempunyai sembilan bahagian di peringkat Ibu Pejabat iaitu Bahagian:

- a. Siasatan;
- b. Perundungan dan Pendakwaan;
- c. Perisikan;
- d. Pendidikan Masyarakat;

- e. Pencegahan;
- f. Latihan;
- g. Analisis;
- h. Logistik dan Pengurusan; dan
- i. 15 Cawangan di setiap ibu negeri yang diketuai oleh seorang Pengarah Negeri.

Pada 1Julai 1973 juga, Akta Biro Siasatan Negara (BSN) diluluskan oleh Parlimen dan dengan itu BPR ditukar namanya kepada BSN. Penukaran nama ini bertujuan untuk memberikan tugas dan kuasa yang lebih kepada Biro untuk menyiasat kes-kes yang berkaitan dengan kepentingan negara. Inilah kali pertama Jabatan ini ditubuhkan melalui sebuah Akta. Nama Jabatan ini kemudian ditukar kembali kepada nama asal iaitu BPR pada 13 Mei 1982 apabila Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 diluluskan oleh Parlimen dan dikuatkuasakan. Objektif penting penukaran ini ialah untuk mencerminkan dengan lebih tepat lagi peranan Badan itu sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan khusus untuk mencegah perbuatan rasuah.

Pada asasnya, objektif utama BPR ialah untuk membentera dan seterusnya menghapuskan segala bentuk jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan dan berkesan di Malaysia dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bebas daripada rasuah berlandaskan kepada nilai-nilai kerohanian dan moral yang tinggi.

Bertitik-tolak kepada perkara di ataslah maka BPR melalui Bahagian Pendidikan Masyarakat (dulunya dikenali sebagai Bahagian Komunikasi dan Pendidikan) telah ditubuhkan bagi memberikan penerangan dan pendidikan kepada masyarakat bahawa: rasuah adalah amalan yang keji dan ditegah oleh semua agama; nilai-nilai murni dan beretika perlu diamalkan sebagai benteng bagi mengatasi kelemahan dalaman diri yang menjadi punca kepada perlakuan rasuah; mereka (masyarakat) sepatutnya yakin dengan BPR dan seterusnya

memikul tanggungjawab bersama serta berani tampil untuk melaporkan kegiatan rasuah; masyarakat perlu mengetahui garis panduan yang terperinci mengenai cara untuk memberikan maklumat atau aduan yang berkualiti supaya dapat diambil tindakan yang berkesan oleh BPR.

Bagi maksud di atas, di sepanjang tahun 1998, sebanyak 715 ceramah telah disampaikan di seluruh negara yang melibatkan seramai 48, 923 orang pendengar. Aktiviti ceramah ini telah dipertingkatkan lagi di sepanjang tahun 2001 di mana sebanyak 824 ceramah telah diadakan yang melibatkan seramai 53,092 pendengar yang terdiri daripada:

- a. Kakitangan Perkhidmatan Awam;
- b. Kakitangan Badan-Badan Berkanun;
- c. Kakitangan Syarikat Swasta;
- d. Ahli-ahli Pertubuhan/Kelab/Persatuan;
- e. Ahli Politik; dan
- f. Orang Awam.

Selain ceramah, aktiviti lain yang dijalankan di sepanjang tahun 1998 ialah seminar(6), forum(9), bengkel(4), khemah kerja(1), pameran(89), pementasan atau hiburan rakyat (berbalas pantun, teater dan boria), pertandingan kuiz/pidato(2), tayangan video(36), wawancara radio(28), kenyataan akhbar(12), kunjungan hormat/lawatan mesra(76), gotong royong dan sukan(70). Bagi tahun 2001 pula, sebanyak 54 aktiviti dialog/taklimat telah diadakan dan diikuti oleh seminar/forum(22), pameran(59), tayangan video(14), pertandingan kuiz/pidato(7) dan wawancara radio(24).

Dari maklumbalas serta penilaian yang dibuat ke atas aktiviti-aktiviti tersebut didapati bahawa tahap kefahaman orang ramai terhadap bidang tugas dan tanggungjawab BPR serta pengetahuan mereka tentang rasuah itu sendiri telah meningkat tetapi tahap kesedaran mereka untuk bersama-sama membentras rasuah masih lagi rendah. Akibatnya, kualiti maklumat atau aduan yang dibuat

masih lagi rendah. Ini bermakna, walaupun banyak aduan/maklumat yang dibuat kepada BPR, tetapi hanya beberapa aduan/maklumat sahaja yang boleh dijadikan kes (cukup bukti untuk pendakwaan), manakala yang lain hanya sekadar makluman sahaja. Walau bagaimanapun, perkara inilah yang sering kali ditimbulkan oleh masyarakat dengan menganggap BPR tidak mengambil tindakan ke atas laporan yang mereka berikan. Walau apapun, telah menjadi tanggungjawab BPR untuk menerima apa jua bentuk laporan/aduan dan tidak dibiarkan begitu sahaja. Misalnya, sepanjang tahun 2001, BPR (ibu pejabat dan negeri-negeri) telah menerima sebanyak 9,039 maklumat/aduan berbanding dengan jumlah 10,736 bagi tahun 2000. Dari jumlah maklumat/aduan tersebut, bagi tahun 2001, didapati sebanyak 3,499 (38.7%) mengandungi unsur-unsur rasuah.

Justeru itu, BPR telah menggiatkan lagi usaha dengan mengadakan satu sesi khas mengenai BPR di dalam aktiviti Rakan Muda. Di sekolah pula, guru-guru kaunseling diberikan peranan penting untuk memupuk semangat bencikan rasuah di kalangan murid-murid sekolah. Bagi kakitangan awam pula, mereka yang baru berkhidmat ataupun mereka yang dinaikkan pangkat wajib melalui Kursus Pengurusan Integriti berdasarkan Pekeliling Am Bil.4 Tahun 1999 di mana di dalam kursus tersebut diselitkan juga sesi BPR bersama kakitangan awam. Selain itu, bagi Kementerian, Jabatan atau agensi kerajaan yang mahu mengadakan seminar, forum, bengkel, khemah kerja dan sebagainya perlulah menumpukan aktiviti-aktiviti tersebut kepada penerangan mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia. Penekanan gerakan berkenaan ialah ke arah Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Peringkat Persekutuan, Negeri dan daerah seperti mana Arahan Y.A.B. Perdana Menteri, No.1 Tahun 1998 dan juga penerangan mengenai ciri-ciri penting Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang mula berkuatkuasa mulai 8 Januari 1998. Penubuhan jawatankuasa tersebut adalah penting supaya usaha-usaha pembenterasan rasuah dan penyelewengan

di kalangan pegawai awam dapat dipertingkatkan secara dalaman, menyeluruh, sistematik dan berterusan.

Berkenaan dengan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta No. 575), ia terbahagi kepada Lapan Bahagian dan terdiri daripada 62 seksyen. Akta ini telah diluluskan oleh Parlimen dan telah diwartakan pada 25 September 1997. Akta ini adalah gabungan dari tiga Akta rasuah yang terpakai sebelum ini iaitu:

- a. Akta Pencegah Rasuah 1961;
- b. Akta Badan Pencegah Rasuah 1982; dan
- c. Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat No. 22 1970.

Dengan adanya Akta Pencegahan Rasuah 1997, maka bidang tugas BPR adalah lebih spesifik kepada soal rasuah sahaja sebagaimana yang ditafsirkan di dalam Akta Pencegahan Rasuah 1997. Sebelum itu, bidang tugas BPR juga meliputi permasalahan yang berkaitan dengan kes jenayah penipuan, pecah amanah, salah guna harta, penipuan cukai dan sebagainya yang melibatkan Kanun Keseksaan. Setelah Akta baru diperkenalkan, segala aduan/maklumat yang berkaitan dengan Kanun Keseksaan tidak dibiarkan begitu sahaja tetapi akan disalurkan kepada Kementeri/Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Bagi pesalah rasuah, sebelum pendakwaan dilakukan, mereka akan ditahan reman selama tidak kurang dari seminggu di lokap Bangunan BPR di Putrajaya. Sebelum ini BPR terpaksa meminjam lokap balai polis yang berdekatan. Setelah selesai siasatan dibuat, jika terbukti bahawa tertuduh boleh disabitkan melakukan rasuah, maka barulah pendakwaan boleh dibuat. Dalam hal ini, pegawai pendakwa BPR perlulah mendapatkan surat atau arahan keizinan mendakwa dari Peguam Negara. Surat arahan ini boleh juga diperolehi dari timbalan pendakwaraya (penurunan kuasa oleh Peguam Negara) yang sedia ada di ibu pejabat BPR. Bagi kes-kes tertentu, arahan untuk mendakwa perlu ditandatangani oleh Peguam Negara sendiri. Sepanjang tahun 2000, seramai 96

orang telah disabitkan dengan kesalahan rasuah manakala dalam tahun 2001 jumlahnya telah menurun kepada 53 orang. Kes yang masih belum selesai ialah sebanyak 120 dalam tahun 2000 dan meningkat kepada 140 dalam tahun 2001. Jumlah hukuman juga berubah di mana mengikut Akta BPR yang lama, hukuman penjara tidak lebih sehari dengan denda tetapi sekarang, mereka yang bersalah boleh dipenjarakan lebih 6 bulan dan denda (11 orang tahun 2001), penjara tidak lebih 14 hari dan denda (10 orang tahun 2001), penjara lebih 14 hari tetapi kurang daripada 6 bulan penjara serta denda (26 orang tahun 2001). Buat masa sekarang, BPR telah mencadangkan kepada Kerajaan agar harta pesalah rasuah dirampas sebagaimana yang dilakukan ke atas pesalah pengedaran dadah.

Badan Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) adalah salah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Sungguhpun ia terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi itu hanyalah sekadar urusan kewangan dan kakitangan sahaja. Urusan harian BPR dilaksanakan secara bebas dan berkecuali oleh pegawai-pegawaiannya di bawah pengawasan Ketua Pengarah tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak.

#### **a. Kuasa Perundangan BPR:**

BPR diberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang berikut:

- Akta Pencegahan Rasuah, 1997;
- Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970;
- Kanun Keseksaan;
- Kanun Prosedur Jenayah;
- Akta Polis, 1967;
- Akta Kesaksian;
- Akta Kastam, 1967; dan
- Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954.

### **b. Kuasa Pentadbiran BPR:**

Di samping kuasa-kuasa perundangan di atas, BPR juga diperuntukkan kuasa pentadbiran untuk membuat perakuan tindakan tatatertib terhadap pegawai awam hasil daripada siasatan kes-kes rasuah. Antara peraturan-peraturan dan pekeliling berkaitan dengan perkara di atas adalah seperti berikut:

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), 1993;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 1967 (Laporan Penyiasatan Pengarah Badan Pencegah Rasuah);
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 1975 (Laporan Penyiasatan Biro Siasatan Negara);
- Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1984 (Penyiasatan kes-kes Rasuah Dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan);
- Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 (Tapisan Keutuhan Oleh Badan Pencegah Rasuah Malaysia); dan
- Lain-lain Arahan Perkhidmatan yang berkuatkuasa.

### **c. Akta Pencegahan Rasuah 1997**

Dari segi pelaksanaan Akta ini, bagi Abdul Samat Kasah (24/3/03), perkara yang pertama sekali perlu diberikan penekanan ialah kepada kualiti maklumat atau aduan yang diberi. Misalnya di sepanjang tahun 2001, Bahagian Siasatan Ibu Pejabat dan Juga BPR negeri-negeri telah menerima sejumlah 9,039 maklumat atau aduan berbanding dengan jumlah 10,736 bagi tahun 2000. Dari jumlah tersebut bagi tahun 2001, didapati sebanyak 3,499 (38.7%) sahaja yang mempunyai unsur-unsur rasuah yang memberikan asas bagi membolehkan siasatan terbuka dan sulit dijalankan. Manakala maklumat atau aduan yang lain sebanyak 2,201 (24.4%) telah dirujuk kepada jabatan-jabatan yang berkaitan dengannya, manakala sebanyak 3,339 (36.9%) maklumat difailkan sahaja kerana tiada asas untuk dijalankan penyiasatan (Laporan Tahunan 2001 BPR).

Ji samping itu, Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan melindungi maklumat pengadu walaupun mereka terlibat secara langsung sebagai pemberi rasuah dalam kes yang disiasat. Menurut Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Said Hamdan berkata, segala perkara termasuk latar belakang serta butir peribadi individu tersebut akan kekal sebagai maklumat rahsia sehingga kes berkenaan didakwa di mahkamah. Katanya lagi, golongan berkenaan yang merupakan kumpulan sasar di dalam kempen membentera rasuah di sepanjang tahun 2003 telah dikenalpasti sebagai faktor terpenting dan mampu merendahkan kadar kes sehingga ke tahap 50 peratus. nasihatkan mereka supaya melaporkan kejadian atau kes yang disyaki kerana kita mempunyai peruntukan untuk melindungi keselamatan pemberi maklumat jika mereka diugut atau diancam. Apa yang penting ialah laporan dapat diserahkan kepada BPR dan siasatan sewajarnya akan diambil sehingga setiap hasil siasatan direkod oleh jabatan berkaitan. Selain itu, pengadu bagaimanapun tidak wajar 'menghebahkan' laporan mereka ke merata tempat walau untuk tujuan apa sekali pun kerana ia boleh menjelaskan proses siasatan dan penguatkuasaan undang-undang (Utusan Malaysia, 11/4/03).

Apabila ditanya apakah kuasa serta penguatkuasaan BPR mungkin dipengaruhi oleh golongan berpengaruh seperti ahli politik sehingga menyukarkan proses pendakwaan atau siasatan, Datuk Ahmad Said Hamdan berkata:

"Masyarakat kerap mempunyai persepsi dan mudah melemparkan tuduhan. Untuk makluman semua pihak, BPR tidak takut pada orang politik malah di benua Asia, hanya negara kita yang mempunyai rekod pernah menangkap Menteri Besar dan orang kenamaan. Ada yang dibawa ke mahkamah dan ada juga kes ekoran bukti yang tidak cukup dan terpaksa dikendalikan mengikut saluran lain, namun tindakan tetap diambil." (Utusan Malaysia, 11/4/03)

### **3.8 Persoalan Rasuah Di Malaysia**

Mengimbas sejarah perundangan di negara kita, perbuatan rasuah pertama kali diwar-warkan sebagai satu kesalahan jenayah di Negeri-negeri Selat pada tahun 1871 dan di Negeri-negeri Melayu pada tahun 1893. Pada ketika itu, undang-undang berkaitan kesalahan rasuah digariskan dalam Kanun Kesekeaman (Negeri-negeri Selat, Ordinan IV Tahun 1871 dan Negeri-negeri Melayu Tahun 1893) iaitu melalui seksyen 161 sehingga seksyen 165. Undang-undang tersebut dikekalkan sehingga ke hari ini. Satu enakmen khas berhubung dengan kesalahan rasuah pertama kalinya diperkenalkan di Negeri-negeri Selat pada tahun 1931 dan dikenali sebagai Ordinan Pencegahan Rasuah 1937. Sementara Negeri Melayu Bersekutu pula menggunakan Enakmen Pencegahan Rasuah 1938 pada tahun berikutnya. Kedua-dua undang-undang ini kemudiannya dimansuhkan dan digantikan dengan Ordinan Pencegahan Rasuah 1950. Ordinan ini kemudiannya dimansuhkan selepas pewartaan dan penguatkuasaan Akta Pencegahan Rasuah 1961(Akta No. 42). Akta ini kemudiannya dimansuhkan sekali lagi apabila Akta Pencegahan Rasuah 1997 dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 (Abdul Samat Kasah 2002).

Melihatkan kepada dinamiknya undang-undang berkaitan kesalahan rasuah, maka kita dapat melihat bahawa perbuatan rasuah itu sendiri amat dinamik sifatnya dan sentiasa berkembang mengikuti peredaran zaman. Perkara ini pernah ditekankan oleh bekas Hakim Mahkamah Agong, Tan Sri Dato' Harun Hashim :

*"The best that can be done is a sustained political will to prevent bribery and corruption and an effective enforcement of the law. The law itself should be constantly reviewed to keep pace with new forms corruption and sophisticated methods of bribery"* (Jagir Singh 1994).

Pada masa sekarang, kepesatan pembangunan yang dikehendaki oleh Malaysia tidak mengecualikannya daripada menghadapi persoalan mengenai rasuah. Pada hakikatnya, rasuah adalah satu penyakit sosial yang terdapat di mana-mana negara di dunia. Hanya yang membezakan antara satu negara dengan satu negara yang lain, atau satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain ialah menyeluruh atau tidak menyeluruhnya amalan rasuah itu. Justeru itu, harapan untuk membasmi terus semua bentuk rasuah adalah tipis. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa kita harus membiarkan atau tolerate dengan rasuah dan tidak pula berusaha untuk menghadapi masalah ini. Sekurang-kurangnya apa yang patut kita lakukan ialah untuk mengurangkan rasuah.

Ini diakui sendiri oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad di dalam ucapannya di *Majlis Pembukaan Seminar Ke Arah Peningkatan Program Pencegahan Rasuah Dalam Perkhidmatan Awam* pada 17 Oktober 1988 di Intan, Bukit Kiara yang menyatakan bahawa Malaysia masih boleh berbangga kerana rasuah tidaklah seburuk sehingga ia dilakukan secara terbuka. Namun demikian katanya, kita perlu bertindak untuk mengurangkan rasuah yang sedang berlaku.

Menyedari akan keperluan inilah maka Kerajaan menubuhkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada tahun 1967. Antara tugas BPR ialah mengesan dan mengambil tindakan terhadap anggota Kerajaan dan masyarakat yang terlibat dengan rasuah. Tidak ada seseorang yang dikecualikan dalam hal ini di mana ahli-ahli politik yang memegang jawatan yang tinggi dalam Kerajaan pun telah didakwa dan dihukum. Demikian juga pegawai-pegawai tinggi dan rendah.

Apabila Akta Pencegahan Rasuah 1961 dimansuhkan dan digantikan dengan Akta Pencegahan Rasuah (APR) 1997, tugas pencegahan menjadi salah satu dari tugas utama BPR kerana ia melibatkan kuasa perundangan. Kuasa perundangan berhubung dengan tugas pencegahan ini dapat dilihat melalui

Seksyen 8 Akta Pencegahan Rasuah 1997. Kewajipan yang dimaksudkan ialah mendidik orang ramai untuk menentang rasuah [Seksyen 8 (f) APR 1997] dan mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah (Seksyen 8 (g) APR 1997). Tugas mendidik rakyat untuk menimbulkan kesedaran mereka terhadap bahaya rasuah adalah amat penting kerana untuk memerangi rasuah bukanlah seharusnya menjadi tanggungjawab sesebuah organisasi sahaja tetapi lebih merupakan kesedaran dan kemuafakatan bersama setiap lapisan masyarakat. Tunku Abdul Aziz, Pengurus Kuala Lumpur Society for Transparency International, dalam akhbar The Sun bertarikh 31hb Oktober 1998 telah menyarankan:

*"Whose responsibility is it to fight graft? It may be easier to put the onus on the authorities alone but the reality is that society as a whole needs to play its part if corruption is to be truly weeded out from our lives."*

Walaupun kita tidak boleh membuat ramalan mengenai jumlah kes rasuah yang akan berlaku jika tiada BPR, tetapi kita percaya dengan adanya BPR ianya telah berjaya mengurangkan rasuah di negara kita. Jika tidak, rasuah akan berleluasa dan akan menjadi amalan terbuka iaitu apabila sesuatu urusan perlu dibuat oleh anggota-anggota Kerajaan, maka bayaran tertentu mesti dibuat.

Jika ditinjau, pencegahan rasuah di Malaysia tidak terhad kepada agensi-agensi Kerajaan sahaja. Pegawai dan kakitangan pihak swasta juga diawasi kerana mereka juga boleh mempercepat atau melambatkan sesuatu urusan sehingga orang ramai terpaksa memberi rasuah. Di sini, anggota-anggota Kerajaan dan swasta yang tidak terlibat dengan rasuah tidak harus berasa tersinggung apabila disebut tentang rasuah di kalangan mereka. Tujuan kita mencegah rasuah adalah juga dengan niat untuk memelihara imej mereka yang bersih daripada rasuah. Tentulah mengecewakan jika sesuatu pejabat itu dicap sebagai curang hanya kerana perbuatan oleh seorang atau dua orang sahaja.

leh itu, anggota anggota yang bersih dan jujur hendaklah membantu usaha-isaha BPR mencegah rasuah yang terdapat di kalangan rakan sekerja mereka (Abdul Samat Kasah 2003).

Satu masalah yang dihadapi oleh BPR dalam menghadapi persoalan rasuah alah kelewatan perbicaraan kes-kes rasuah kerana beberapa sebab. Misalnya, jika kes-kes ini dibawa kepada Lembaga Tatatertib, hukuman yang boleh dikenakan adalah terlalu ringan. Sebaliknya, jika ditunggu untuk dibicarakan, ia akan mengambil masa yang panjang dan kadangkala bertahun-tahun lamanya dan mungkin pula saksi-saksi dan pegawai-pegawai akan lupa tentang butir-butir yang diperlukan. Di samping itu, pegawai yang dituduh terpaksa digantung kerja. Jika akhirnya ia didapati tidak bersalah, maka Kerajaan telah kehilangan khidmatnya semasa ia digantung kerja. Sebaliknya jika ia didapati bersalah, maka separuh gaji yang dibayar kepadanya semasa ia digantung kerja adalah sia-sia sahaja (Abdul Samat Kasah 2003)

Selain itu, *Muafakat Memerangi Rasuah* yang berhimpun di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada 19hb Julai 1997 juga tidak menafikan bahawa rasuah lazimnya diamalkan oleh kerana wujudnya karenah birokrasi di kalangan sesetengah kakitangan awam dan amalan ini lazimnya merebak luas seiring dengan kepesatan proses pembangunan, kemajuan dan modenisasi negara. Justeru itu, kepemimpinan politik yang bermaruah serta iltizam politik (*political will*) yang tegas menjadi pemangkin gerakan massa untuk memerangi rasuah di semua peringkat secara komited, konsisten dan berkesan ke arah negara yang sifar rasuah

Persoalannya sekarang ialah sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di dalam usaha membentera jenayah rasuah di Malaysia? Bagi pemimpin-pemimpin pembangkang, mereka juga banyak mempersoalkan mengenai rasuah di Malaysia dengan menganggap kerajaan tidak serius di dalam menanganinya sebagaimana yang dinyatakan oleh Adlan

Benan Omar, lulusan Undang-undang dan Sejarah dari Universiti Cambridge yang merupakan Bendahari Pemuda Keadilan Malaysia (27/8/01) dalam rencananya bertajuk "Pintu Gerbang Pemimpin Pandir", di mana katanya, terdapat tiga sebab utama mengapa perkara ini berlaku iaitu:

**Pertamanya**, hampir kesemua pemimpin negara, sahabat dan keluarga mereka pernah atau sedang terlibat dalam penyalahgunaan wang. Bagaimana serius sekalipun mereka menafikannya, rakyat tahu rumah, kereta dan harta benda mereka tidak boleh dibeli dengan gaji menteri yang hanyalah sekadar lima angka dan tidak lebih daripada gaji seorang penganalisa pelaburan di bank tempatan. Dari mana munculnya harta ini? Pemimpin negara (khususnya Melayu) gemar menunjuk-nunjuk, jadi rakyat pun sudah tahu dari mana mereka mengaut kekayaan itu. Rakyat tahu pak-pak menteri ini bukanlah wali yang menerima wang dari kayangan;

**Kedua**, rasuah adalah jaminan kesetiaan politik. Apabila seseorang itu sudah terpalit dengan najis rasuah, fail mereka akan disimpan dengan rapi oleh orang-orang tertentu. Fail-fail inilah menjadi tebusan kesetiaan mereka kepada kepimpinan tertinggi dan bila-bila masa sahaja mereka boleh dijatuhkan. Keadaan rasuah yang begitu berleluasa di Malaysia hari ini bermakna begitu ramai yang terlibat hingga mereka yang membentuk kelas pemerintah. *Nomenklatura* atau golongan berkuasa berkepentingan ini menyokong keadaan yang sedia ada atau "status quo" kerana mereka takut kemenangan reformasi bermakna mereka akan diheret ke muka pengadilan supaya dendam rakyat terbalas; dan

**Ketiga**, rasuah adalah senjata mereka yang bebal dan bodoh. Mungkin tanggapan ini agak kasar, tetapi jika kerajaan serius dalam menggunakan meritokrasi, besar kemungkinan separuh menteri kabinet telah lama dibuang kerja. Sebaliknya, orang yang tidak berkelayakan selalunya menggunakan rasuah untuk melicinkan jalan mereka ke puncak. Dengan rasuah, pemimpin pandir dan pak si bendul sekalipun boleh naik ke kemuncak pemerintahan. Yang

menjadi kepelikan, mereka inilah yang suka sangat melaungkan meritokrasi. Kononnya mereka naik atas sebab kepandaian mereka. Sebenarnya, mereka mengabui mata rakyat.

Di antara contoh kes rasuah yang sering dipersoalkan ialah skandal Perwaja Steel yang telah didedahkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa sesi membalsas pertanyaan Parti DAP menjelang perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Ke 7 pada bulan Mei 1996 yang menyatakan bahawa, pada akhir tahun 1995, Perwaja mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM2.9 bilion dan liabiliti sebanyak RM6.9 bilion. Sehingga kini, skandal Perwaja masih lagi tidak dapat dijelaskan (masih dalam siasatan BPR). Isu lain ialah kenyataan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya yang telah memberikan testimoni yang mengejutkan di dalam perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim apabila beliau berkata bahawa Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan BPR supaya berhenti menyiasat bekas Pengarah EPU, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, yang kemudiannya dilantik sebagai Gabenor Bank Negara. Selain itu, penganugerahan projek-projek kerajaan kepada tokoh-tokoh korporat tertentu yang mempunyai pertalian dengan tokoh politik pemerintah juga merupakan salah satu bentuk rasuah yang semakin "terkenal" dewasa ini dan tidak boleh dipandang remeh oleh BPR.

Sedikit sebanyak, contoh-contoh di atas telah menjaskankan kredibiliti BPR sebagai satu badan yang diberikan tugas khas oleh kerajaan untuk membasmi rasuah di negara ini. Walau apapun tanggapan yang diberikan, kerajaan pada hakikatnya sedang berusaha gigih untuk menangani masalah rasuah di Malaysia. Bagi BPR, tugas-tugas untuk membanteras rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam negara ini bukanlah suatu tugas yang dianggap mudah dan senang dilaksanakan. Tugas-tugas mereka tidak akan menghasilkan kesan yang positif tanpa sokongan, minat dan kerjasama sepenuhnya daripada semua pihak.

### **3.9 Kesan Dan Akibat Rasuah (Hubungkait Dengan Faktor Lain)**

Walau apapun tanggapan individu di dalam menilai kesan-kesan rasuah, namun hakikatnya rasuah melahirkan lebih banyak keburukan dan kebinasaan. Sebagai contohnya, walaupun pemberian rasuah boleh mempercepatkan proses kerja jika dinilai dari fungsi positif rasuah sebagai pemangkin (*catalyst*), namun di sebaliknya, berlaku keburukan yang mana ia mengajar seseorang itu malas bekerja, kurang inisiatif, tidak amanah serta melibatkan ketidakadilan sosial di mana hanya yang berada sahaja mampu mendapat dan menikmati kemudahan yang sepatutnya dinilai bersama. Oleh kerana sifat negatifnya melampaui sifat positifnya serta sifat negatif rasuah membawa kebejatan sosial, maka wajarlah ia dibasmi dan diperangi.

Walau bagaimanapun, menurut Abdul Samat Kasah (2002), agak sukar untuk menilai dan mengenalpasti kesan rasuah ke atas setiap aspek kehidupan kerana ianya tidak ketara, bersifat subjektif serta kadangkala memakan masa. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa rasuah memberi kesan buruk ke atas sistem sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara. Bagi beliau, di antara kesan-kesan yang dapat diperhatikan berlaku adalah seperti berikut:

#### **a. Kesan Terhadap Integriti dan Psikologi Rasuah**

Kajian yang telah dijalankan oleh BPR ke atas orang-orang yang pernah ditangkap dan dihukum kerana rasuah mendapati bahawa orang-orang berkenaan mengalami tekanan jiwa, malu, terasa terhina, menjadi sensitif, kebebasan tergugat serta pergaulan sosial yang terhad.

#### **b. Menjarakkan Jurang Perbezaan Golongan Miskin dan Kaya**

Golongan yang kaya mempunyai kewangan yang lebih kukuh jika dibandingkan dengan golongan miskin. Akibatnya golongan kaya mampu untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pegawai kerajaan, lalu membolehkan mereka memperolehi lebih banyak peluang yang ditawarkan oleh kerajaan, dengan itu

mereka menjadi lebih kaya. Sementara golongan miskin pula mempunyai peluang dan ruang yang begitu sempit untuk memperbaiki kedudukan ekonomi mereka dan menjadi bertambah miskin. Akibatnya jurang pemisah di antara dua golongan ini akan semakin membesar.

#### **c. Mencetus Pergolakan Sosial**

Apabila jurang pemisah semakin lebar dan rakyat merasa kecewa, maka timbul perasaan benci kerana merasa diri mereka tertindas, ditipu, kecurangan dan ketidakadilan yang dilakukan oleh golongan berada dan pemerintah yang mengamalkan rasuah memungkinkan kebangkitan rakyat berlaku. Ini dapat dilihat dalam beberapa negara yang mengalami pelbagai kekacauan akibat ketidakpuasan hati rakyat terhadap berleluasanya rasuah dewasa ini.

#### **d. Mengancam Keselamatan Negara dan Rakyat**

Rasuah menyebabkan penghasilan kerja dan perkhidmatan yang kurang bermutu dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Akibatnya pengguna iaitu rakyat terpaksa menanggung risiko ketika menggunakan kemudahan yang dibina tidak mengikut spesifikasi ini. Begitu juga benteng pertahanan negara mungkin boleh digugat oleh anasir luar jika didapati benteng ini mudah dapat ditembusi dengan rasuah. Kedudukan seperti ini sudah tentu mengancam keselamatan rakyat dan negara.

#### **e. Kenaikan Harga Barang Dan Perkhidmatan**

Amalan rasuah dalam dunia perniagaan akan mengakibatkan kos pengeluaran meningkat. Jika ini berlaku peniaga akan memindahkan kos yang mereka tanggung akibat rasuah kepada pengguna dengan cara menaikkan harga barang dan perkhidmatan kerana ia dianggap kos modal. Akibatnya rakyat selaku pengguna yang terpaksa menanggung kos tersebut.

#### **f. Menjejaskan Kecekapan dan Kelicinan Pentadbiran**

Peluang serta keinginan untuk mendapatkan rasuah akan mengakibatkan seseorang pekerja sengaja melambat-lambatkan pengendalian tugasnya. Akibat perbuatan seperti ini yang berterusan dan berleluasa akan menjejaskan kelicinan dan kecekapan pentadbiran dan seterusnya menggagalkan sesuatu dasar atau polisi yang ingin dilaksanakan.

#### **g. Menggalakkan Jenayah dan Melindungi Jenayah**

Rasuah menyuburkan keadaan jenayah kerana si penjenayah sedar bahawa mereka dengan mudah dapat melepaskan diri dari tindakan undang-undang. Ini berlaku jika pihak yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan untuk menguatkuasakan undang-undang tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan secaraikhlas akibat dari sogokan dan rasuah yang mereka terima.

#### **h. Menyekat Sumber Kewangan Luar**

Rasuah berkaitan dengan imej sesebuah negara. Sekiranya imej negara memberikan gambaran bahawa kegiatan rasuah amat berleluasa, maka ianya akan menghalang pelabur-pelabur asing dari melabur di negara ini kerana khuatir wang pelaburan akan diselewengkan atau keuntungan berkurangan akibat rasuah.

#### **i. Tumpuan Pembangunan dan Pelaburan Tidak Selimbang**

Tumpuan pembangunan dan pelaburan berpusu ke sektor tertentu bukan kerana sektor berkenaan mempunyai permintaan dan keuntungan yang tinggi tetapi kerana merupakan satu jalan halus yang tidak ketara bagi mendapatkan rasuah atau keuntungan kendiri. Maka berlakulah pertumbuhan ekonomi yang berat sebelah dan sektor-sektor lain yang tidak ada peluang untuk melakukan rasuah tidak dapat berkembang.

### **j. Pengaliran Wang Keluar Negara**

Sekiranya perolehan rasuah disimpan di bank-bank luar negara, maka berlakulah pengaliran wang ke luar negara dan ini bermakna negara juga mengalami kerugian dari segi pertukaran wang asing. Inilah apa yang berlaku di Amerika Selatan di antara tahun 1954-1959 di mana tiga diktator Amerika Selatan (Peron, Perez Jimenez dan Batista) telah memindahkan sejumlah US \$1.5 billion wang negara mereka.

Bagi Syed Hussein Alatas (1980 dan 1999) pula, kesan yang ditinggalkan oleh rasuah dapat dilihat dalam tiga peringkat iaitu:

**a. Peringkat Pertama:**

Rasuah diperingkat ini tidak memberikan banyak kesan ke atas kehidupan sosial dan juga kerja-kerja rutin harian kerana kegiatan rasuah yang dijalankan masih lagi terhad kepada satu golongan sahaja.

**b. Peringkat Kedua:**

Diperingkat ini, kerja-kerja mula sukar untuk dilakukan tanpa memerlukan wang sogokan.

**c. Peringkat Ketiga:**

Ini merupakan peringkat rasuah yang serius di mana perbuatan rasuah telah berleluasa dan mengakibatkan kemasuhan kehidupan sosial. Rasuah ini diikuti dengan perkembangan yang lebih besar sehingga membawa kepada kegiatan rasuah di peringkat atasan.

Kesimpulannya, di negara kita hari ini, gejala dan wabak rasuah amat membimbangkan (Mingguan Malaysia, 8 Jun 2003 – Awang Selamat). Laporan terkini (Berita Harian, 3/4/03), Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menerima sebanyak 173,629 aduan rasuah daripada pelbagai punca dari tempoh antara 1982 hingga 2002. Daripada jumlah itu, sebanyak 11,506 siasatan terbuka telah dijalankan dan seramai 4,311 telah didakwa di mahkamah kerana terbabit dengan kes rasuah. Dalam tempoh 20 tahun itu juga, BPR telah menyediakan

2,680 laporan tata tertib kepada pegawai awam yang didapati melanggar peraturan dan disiplin. Mengenai siasatan BPR yang hanya mendakwa mereka yang bersubahat dan bukannya perancang sebenar yang ditangkap, Datuk Noh Omar, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa siasatan BPR adalah mengikut undang-undang yang sedia ada iaitu melalui Akta Pencegahan Rasuah 1997 di mana setiap siasatan itu tidak boleh diumumkan kepada orang lain sehingga pendakwaan dilakukan di mahkamah, dan kerajaan percaya setiap kes yang didakwa mempunyai bukti lengkap (kuasa pendakwa dilakukan oleh Peguam Negara).

Walau bagaimanapun, Malaysia telah dipilih oleh Bank Dunia sebagai salah sebuah negara terbaik di dunia di dalam mengurus dan mentadbir jenayah rasuah. Timbalan Ketua Pengarah Dua, Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Said Hamdan menyatakan bahawa, pencapaian itu membuktikan BPR serius dan komited menjalankan tanggungjawab sebagai badan yang diamanahkan membendung rasuah. Bagaimanapun, Datuk Ahmad Said mengakui sesetengah siasatan BPR memakan masa agak lama. Ini disebabkan siasatan kes berkenaan melibatkan pelbagai pihak dan saksi di peringkat antarabangsa, katanya:

"BPR dalam menjalankan siasatan, kita perlu tentukan keterangan yang jelas dan tepat. Oleh sebab itu, kita perlu berhati-hati supaya pihak yang bersalah akan dibawa ke mahkamah untuk tindakan yang sesuai, tetapi kita tidak mahu pihak yang tidak bersalah dianiaya. Ada kes yang kita buat cepat, ada kes yang dapat disempurnakan dengan paling cepat dan ada yang mengambil masa sikit bergantung kepada keterangan yang kita dapat memperolehi." (Buletin Utama TV3, 27/10/02)

Tambah beliau, jumlah tahanan BPR tahun ini menurun berbanding tahun lalu (2001). Sehingga Oktober 2002, hanya 178 orang ditahan melakukan rasuah berbanding lebih 300 tahun lalu (2001) (Buletin Utama TV3, 27/10/02).

Oleh itu, bagi memperkuatkan sistem kenegaraan serta memelihara maruah kita semua, maka usaha-usaha membentras amalan rasuah dari semua peringkat di negara ini perlulah disokong oleh semua lapisan masyarakat. Kita amat berbangga dengan kenyataan pemimpin negara bahawa masa untuk memberi ingatan dan amaran telah berlalu dan sekaranglah masanya untuk bertindak dan tidak ada tempoh untuk ditunggu-tunggu bagi membentras gejala rasuah dari terus menular di dalam masyarakat .

### **3.10 Kajian Kes Rasuah Di Malaysia**

Apabila kita mendengar ungkapan rasuah maka akan terbayang di pemikiran kita semua akan suatu transaksi yang melibatkan duit atau wang di antara dua pihak secara tidak sah. Di Malaysia sendiri, kegiatan rasuah yang sedemikian bukan sahaja melibatkan penjawat awam biasa seperti polis, imigresen dan sebagainya tetapi juga di kalangan ahli-ahli politik negara. Antaranya ialah kes rasuah yang melibatkan Ketua Menteri Melaka, Dato Haji Abdul Ghani Ishak (1974) di mana beliau telah dihukum penjara selama tujuh bulan oleh mahkamah pada tahun 1982 (All Malaysia Reports, 17/9/2003); bekas Menteri Kewangan Sabah, Datuk Dzulkifli Abdul Hamid (1976), bekas Exco Kanan Kedah, Dato' Haji Mohd Muslim Othman (1982) di mana beliau telah dihukum penjara satu hari dan didenda sebanyak RM2,000 pada tahun 1993 (All Malaysia Reports, 17/9/2003); bekas Senator Ariffin Salleh (1984), bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan (1992), bekas Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim (1999) serta beberapa kes lagi yang masih di dalam perbicaraan (Abdul Samat Kasah 2002).

Dalam hal ini, satu-satunya bentuk rasuah yang paling bahaya sekali ialah rasuah politik wang. Rasuah politik wang yang sedemikian bercambah lantaran adanya amalan politik naungan (*patronage politics*) yang merupakan amalan politik dalaman yang memberikan habuan atau ganjaran untuk melonjakkan

seseorang ke tahap yang tinggi di dalam politik. Perkembangannya menjadi semakin serius apabila tidak terdapatnya suatu sistem yang mengamalkan konsep *accountability* atau pertanggungjawaban, tiadanya pengimbangan kuasa, kurangnya sistem pencegahan yang dikuatkuasakan selama ini dan sebagainya. Satu-satunya kes rasuah politik utama yang melibatkan personaliti penting negara ialah kes Datuk Haji Harun Idris yang berlaku pada penghujung tahun 1970an (Rais Yatim, Jun 1998).

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Haji Harun Idris (1976)**

Di Malaysia, setiap kali kita membicarakan kes rasuah, nama Datuk Haji Harun Idris dan kaitannya dengan Bank Rakyat atau Bank Kerjasama Rakyat Malaysia tidak dapat dilupakan. Ini adalah kerana, ia adalah merupakan antara kes rasuah terawal yang berlaku di Malaysia pada tahun 1976 yang melibatkan seorang bekas Menteri Besar.

Di zaman Datuk Haji Harun Idris menjadi pengurusnya Bank Rakyat telah menghadapi masalah kewangan sehingga menyebabkan pihak kerajaan di bawah pimpinan Tun Hussein Onn pada masa itu terpaksa mendedahkan satu skandal pecah amanah yang melibatkan beberapa tokoh penting. Ekoran dari pembentangan kertas putih di Dewan Rakyat dan beberapa siri perbicaraan di mahkamah, akhirnya pada 18 Mei 1976, Hakim Mahkamah Tinggi, Raja Azlan Shah telah mendapati Datuk Haji Harun Idris bersalah atas tiga tuduhan rasuah di dalam kes Hong Kong and Shanghai Bank dan telah dijatuhkan hukuman penjara dua tahun serta diperintahkan membayar \$225,000 kepada UMNO Selangor. Pada masa yang sama, Datuk Haji Harun Idris sedang menjalani hukuman penjara enam tahun di Penjara Pudu apabila beliau didapati bersalah bersabit kes pecah amanah Bank Rakyat. Sehubungan itu, Hakim Raja Azlan Shah mengarahkan kedua-dua hukuman tersebut berjalan serentak. Pada 10 Jun 1977, Mahkamah Persekutuan kemudiannya telah menolak rayuan Datuk Haji Harun Idris dan seterusnya mengesahkan hukuman-hukuman penjara

tersebut serta memerintahkan beliau supaya membayar \$250,000 dan bukannya \$225,000 kepada Kerajaan Persekutuan (Yusof Harun 1986 dan Malayan Law Journal, Mei 1976).

Punca kes rasuah ini berlaku ialah gara-gara kegagalan Pemuda UMNO di bawah kepimpinan Datuk Haji Harun Idris menaja perlawanan tinju di antara Muhamad Ali dengan Joe Bugner di Kuala Lumpur. Tujuan perlawanan tinju itu diadakan ialah untuk mengisi tabung UMNO yang telah kering kontang gara-gara pilihanraya 1969. Walau bagaimanapun, apa yang dikesalkan ialah, walaupun wang politik berkenaan hanya disalurkan kepada Badan Perhubungan Negeri Selangor (UMNO Selangor) dan bukan untuk kegunaan peribadi, beliau telah juga didapati bersalah di sisi undang-undang rasuah negara (Rais Yatim, Jun 1998).

Begitulah nasib yang menimpa Datuk Haji Harun Idris. Kini beliau seolah-olah ditinggalkan oleh penyokong-penyokongnya. Dulu mereka begitu setia sehingga tatkala beliau dijatuhkan hukuman penjara, para penyokongnya mengambil tindakan mengurung beliau di kediamannya di Langgak Duta. Mereka enggan menyerahkan beliau kepada polis sehingga pihak polis terpaksa mengepung rumah tersebut. Menteri Dalam Negeri ketika itu, Tan Sri Ghazali Shafie dipercayai telahpun menandatangani surat perintah penangkapan Datuk Haji Harun bagi membolehkan pihak polis memasuki rumah berkenaan untuk menahan beliau. Tetapi peristiwa itu dapat dihindarkan apabila di suatu subuh, Datuk Haji Harun telah dibawa keluar secara diam-diam dengan menyamar dan seterusnya dibawa ke hospital untuk rawatan. Di hospital itulah beliau ditahan. Beliau kemudiannya dihadapkan ke mahkamah dan setelah didapati bersalah, beliau dibawa ke Penjara Pudu untuk menjalani hukuman (Yusof Harun 1986).

Di sebalik kes rasuah Datuk Haji Harun Idris ini, timbul pula persoalan iaitu sama ada kejatuhan beliau sejak kematian Tun Abdul Razak adalah suatu yang dirancang merupakan satu hal yang menarik. Datuk Senu, Setiausaha Agung

UMNO pada ketika itu percaya bahawa ada pihak yang cemburu lalu berusaha memburuk-burukkan Datuk Haji Harun lebih-lebih lagi Datuk Haji Harun adalah calon Perdana Menteri. Tetapi dakwaan ini disangkal oleh Datuk Haji Harun sendiri dengan alasan bahawa perjuangan beliau adalah untuk UMNO dan bukannya untuk menjadi Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, isu Datuk Haji Harun ini lebih merupakan satu isu politik yang membuatkan Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga selepas Tun Razak menjadi kurang popular di kalangan ahli-ahli UMNO. Seorang ahli UMNO berpendapat, Datuk Hussein Onn telah menghabiskan kira-kira separuh dari masanya untuk menentang Datuk Haji Harun Idris (Yusof Harun 1986).

Selain itu, kes rasuah Datuk Harun Idris ini jelas menunjukkan betapa seriusnya pihak Pendakwa Raya di dalam menangani rasuah politik di negara ini. Tetapi, selepas kes ini, tidak banyak kes besar yang disabitkan walaupun begitu banyak rasuah politik dilakukan oleh pemegang-pemegang kuasa tertentu di dalam negara. Persoalannya sekarang ialah, apakah kita mahu katakan bahawa semenjak kes Datuk Haji Harun ini, maka penerimaan wang untuk parti politik tidak berlaku lagi? Sebenarnya, ianya adalah lebih dasyat lagi kerana umum mengetahui bahawa wang yang diterima bukan sahaja untuk parti tetapi juga untuk diri sendiri dan juga untuk tujuan-tujuan yang lain (Rais Yatim, Jun 1998). Perkara ini jelas ditunjukkan di dalam kes-kes berikut:

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Saidin Thamby**

Datuk Saidin Thamby merupakan salah seorang tokoh politik veteran UMNO dan pernah memegang pelbagai jawatan penting seperti Setiausaha Politik kepada Y.B. Menteri Perusahaan Awam pada tahun 1979, Speaker Dewan Undangan Negeri pada 1982 dan merupakan bekas ahli Exco Kerajaan Negeri. Beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Paya Jaras sejak memenangi pilihan raya umum pada tahun 1986 dan berjaya mengekalkannya selama tiga penggal. Pada 15 September 1999, beliau telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah

Alam atas tuduhan menerima rasuah sebanyak RM1juta daripada Pengurus Eksekutif Nusantara Network Sdn Bhd iaitu Datuk Dr. Hanifah Noordin pada 15 Mac 1997. Beliau mengaku tidak bersalah dan dibebaskan dengan ikat jamin RM150,000 dengan seorang penjamin manakala pasport antarabangsa juga diserahkan sebagai syarat jaminan. Beliau didakwa mengikut Seksyen 3(a) (I) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Akta 57) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan (Utusan Malaysia, 16/9/1999).

Dalam kes ini, Datuk Saidin Thamby yang juga merupakan Ketua UMNO Bahagian Selayang telah dituduh menerima rasuah sebagai upah kerana membantu Nusantara Network Sdn Bhd dalam permohonan tanah kerajaan di sebahagian Lot 4287 Seksyen 4, Pekan Batu Caves, Mukim Batu, Daerah Gombak untuk mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco). Hasil bantuannya, mesyuarat Exco telah meluluskan permohonan tanah kepada syarikat tersebut pada 4 Oktober 1995. Beliau dituduh menerima rasuah pada jam 12 malam, 15 Mac 1997 melalui sekeping cek Malayan Banking Berhad bernombor 170871 berjumlah RM1juta di No. 2, Jalan Selaseh 4, Taman Selaseh, Batu Caves. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nordin Hassan dan Ahmad Bache dari Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR) manakala Datuk Saidin Thamby diwakili oleh peguam bela Khamsah Abu Bakar dan C.K. Lim (Utusan Malaysia, 16/9/1999). Semasa perbicaraan, Tan Sri Muhammad Muhd Taib memberitahu Mahkamah Sesyen Shah Alam bahawa beliau tidak pernah meminta Ketua UMNO Bahagian Selayang itu untuk mendapatkan habuan sebanyak RM1juta daripada sesiapapun semasa beliau menerajui Kerajaan Negeri Selangor. Bagaimanapun, di mahkamah berkenaan, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang juga Naib Presiden UMNO mengaku bahawa UMNO Malaysia telah membuat keputusan bahawa kutipan wang untuk Tabung UMNO hanya boleh dibuat oleh UMNO negeri.

Pada 25 Julai 2002, mahkamah mendapati Datuk Saidin Thamby bersalah atas tuduhan menerima rasuah sebanyak RM1juta daripada Pengurus Eksekutif Nusantara Network Sdn Bhd iaitu Datuk Dr. Hanifah Noordin pada 15 Mac 1997. Beliau kemudiannya dibenarkan diikat jamin sebanyak RM150,000 sementara rayuannya didengar pada 1 Ogos 2002 (Buletin 1.30 TV3, 27/7/2002). Walau bagaimanapun, beliau gagal dalam rayuannya dan mahkamah seterusnya telah mendapati beliau bersalah dengan menjatuhkan hukuman penjara setahun dan didenda RM10,000. Hakim Suraya Othman juga mengarahkan beliau membayar penalti sebanyak RM1juta kepada Kerajaan Persekutuan dalam tempoh tiga bulan dan sekiranya beliau gagal berbuat demikian, maka penalti tersebut akan menjadi denda. Bayaran ikat jamin beliau sebanyak RM150,000 yang dikenakan mahkamah sebelum ini akan dikekalkan manakala pasport antarabangsa beliau akan dipegang oleh mahkamah (BERNAMA, 1/8/2002).

Keterangan Tan Sri Muhammad Muhd Taib semasa perbicaraan kes rasuah Datuk Saidin Thamby ini jelas menunjukkan bahawa UMNO sememangnya ada membuat kerja mengutip wang bagi sumber kewangan politik parti itu. Perkara ini jelas ditunjukkan di dalam satu laporan polis yang dikemukakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1999 di mana beliau telah mengepulkan tiga pucuk surat dari tiga tokoh korporat yang masing-masing mengesahkan memberi wang dan saham-saham kepada Tun Daim Zainuddin dan UMNO. Misalnya, dalam surat bertarikh 24 Mei 1990 dari Tan Sri Tajuddin Ramli kepada Tun Daim Zainuddin menunjukkan bahawa Tajuddin Ramli mengesahkan bahawa ia memegang wang berjumlah RM 70,000,000 untuk Daim Zainuddin. Begitu juga dalam surat bertarikh 30 April 1990 dari Tan Sri Azmi Wan Hamzah kepada Daim Zainuddin, Azmi Wan Hamzah mengesahkan ia memegang wang sebanyak RM 150,000,000 untuk Daim Zainuddin. Seterusnya, Tan Sri Halim Saad dalam suratnya bertarikh 30 April 1990 mengesahkan ia mendermakan 52,208,500 saham Faber Merlin Malaysia Berhad berharga RM1.00 sesaham dan 130,000,000 saham Renong Berhad berharga 50 sen sesaham harta-harta kepada UMNO Baru. Walau bagaimanapun, Tun Daim Zainuddin, Menteri

Kewangan dan juga Bendahari UMNO pada masa itu dengan cepat menafikan laporan polis Datuk Seri Anwar berkenaan. Tun Daim berkata bahawa sumbangan tiga tokoh korporat tersebut bukan untuknya, sebaliknya untuk UMNO. Ini bermakna Tun Daim mengesahkan bahawa UMNO menerima wang rasuah.

Persoalannya sekarang ialah mengapa Tan Sri Tajuddin Ramli perlu menderma sehingga 70 juta kepada UMNO kalau tidak kerana dia mendapat pelbagai projek penswastaan dari kerajaan, termasuklah mengambil alih syarikat penerbangan Malaysia, MAS. Begitu juga, mengapa Tan Sri Halim Saad begitu baik hati kepada UMNO sehingga memberi beratus juta saham, kalau tidak kerana Renong yang dimilikinya mendapat pelbagai projek penswastaan yang mega-mega. Begitu juga halnya kepada Azmi Wan Hamzah dan lain-lain tokoh korporat yang memberi sumbangan wang kepada UMNO. Hakikatnya sekarang ialah, sogokan yang sedemikian nampaknya dibenarkan dan tidak pula dianggap rasuah. Walau apapun, demikianlah bentuk jaringan rasuah yang berlaku di dalam UMNO sebagaimana slogannya, "dulu, kini, dan mungkin selamanya".

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Tan Sri Muhammad Muhd Taib**

Dalam kes ini pula, Tan Sri Muhammad Muhd Taib adalah bekas Menteri Besar Selangor. Beliau telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor berikutan dengan kes kegagalan beliau mengisyiharkan mata wang asing bernilai A\$1.16juta (RM2.9juta) miliknya yang ditemui oleh Kastam Australia di Lapangan Terbang Brisbane ketika beliau hendak berlepas ke New Zealand. Bagaimanapun, pada 29 Mei 1998, panel 12 juri Di Mahkamah Daerah Brisbane, Australia sebulat suara mendapati beliau tidak bersalah atas tuduhan tersebut (Berita Harian, 30/12/1998).

Beberapa bulan selepas kes di Australia selesai, pada 9 Disember 1998, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Rahim Uda memberitahu Mahkamah

Tinggi bahawa terdapat empat bidang tanah milik bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan isterinya Puan Sri Asbi yang berada di Malaysia telah tidak diisyiharkan oleh beliau. Harta Yang tidak diisyiharkan itu ialah: (Utusan Malaysia, 10/12/1998)

- a. Geran Mukim 52 Lot 1593 Mukim Batang Kali seluas 3 ekar milik Tan Sri Muhammad Muhd Taib;
- b. Geran Mukim 3187 Lot 1594 Mukim Batang Kali seluas 3 ekar milik Tan Sri Muhammad Muhd Taib;
- c. HS(M)5039 PT11100 Bukit Lancong Mukim Damansara seluas 1.5 ekar milik Puan Sri Asbi; dan
- d. HS(D)142249 Lot 32913 Mukim Kuala Lumpur seluas 557.4 meter persegi milik Puan Sri Asbi.

Sehubungan itu, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dituduh sebagai seorang yang dikehendaki oleh pendakwa raya kerana telah dengan sengaja tidak mematuhi syarat-syarat dalam notis bertarikh 10 April 1997 untuk mengisyiharkan satu persatu dari kesemua harta alih dan tidak alihnya, ejen atau pemegang amanah, isteri, anak lelaki dan anak perempuannya. Beliau dituduh melakukan kesalahan itu pada 26 Mei 1997 di Pejabat Timbalan Pendakwa Raya, Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah (BPR). Dengan itu, beliau didakwa mengikut Seksyen 25(2) Akta Pencegah Rasuah 1961 yang boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Tan Sri Muhammad Muhd Taib tidak mengaku bersalah atas tuduhan tersebut (Utusan Malaysia, 10/12/1998).

Walau bagaimanapun, setelah sebelas hari dibicarakan maka pada 29 Disember 1998, Tan Sri Muhammad Muhd Taib telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi selepas didapati tidak bersalah atas tuduhan gagal mengisyiharkan harta

miliknya dan keluarga mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961. Hakim Datuk Abdul Wahab Patail membuat keputusan itu selepas mendengar keterangan sembilan orang saksi dari pihak pendakwa dan tujuh orang saksi dari pihak pembela. Bagi Hakim, pihak pendakwa telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah di mana: (Berita Harian, 30/12/1998)

- a. Tidak dapat dipertikaikan bahawa harta tanah di Batang Kali, Bukit Lancong dan No. 139, Jalan Athinaharpan, Taman Tun Dr. Ismail didaftarkan dengan nama Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Puan Sri Asbi tetapi Tan Sri Muhammad Muhd Taib dalam pembelaan telah menjelaskan bahawa harta berkenaan sudah dilupuskan dan ini bererti beliau tidak lagi mempunyai kepentingan ke atasnya;
- b. Keterangan Tan Sri Muhammad Muhd Taib mengenai pelupusan kepentingan dengan disokong oleh keterangan pemindahan harta dan keterangannya di mahkamah adalah tidak goyah ketika pemeriksaan balas dilakukan;
- c. Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkelakuan dan mengendalikan pembelaannya dengan cara yang boleh diteladani sejak ditahan dan didakwa sehinggalah perbicaraannya di mahkamah di mana beliau mengamanahkan dirinya kepada proses undang-undang;
- d. Undang-undang serta sistem keadilan ini akan mengecewakan jika beliau tidak sekurang-kurangnya diberikan peluang untuk dipercayai kata-katanya; dan
- e. Undang-undang mengiktiraf bahawa pemilikan boleh diasingkan daripada pemilikan saksama dan beliau sebagai Menteri Besar tidak mungkin mendaftarkan harta tanah dengan namanya dan isterinya di negeri Selangor untuk mengelak daripada dikesan.

Sehubungan itu, mengikut Seksyen 182(A)(3) Kanun Prosedur Jenayah, Hakim Datuk Abdul Wahab Patail telah memerintahkan pembebasan Tan Sri Muhammad Muhd Taib atas alasan pendakwaan tidak dapat membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah (Berita Harian, 30/12/1998).

Walau bagaimanapun, persoalan besar yang timbul dari kes di atas ialah dari mana sebenarnya sumber harta beliau yang melampau ini? Adakah dari perolehan beliau dari gaji dan elaun sebagai Menteri Besar? Misalnya di dalam kes ini (Pendakwa Raya melawan Tan Sri Muhammad Muhd Taib [Criminal Trial 45-28-98]) yang diadili oleh Hakim Datuk Abdul Wahab Patail menyebut bahawa nilai harta yang diisyihar oleh Muhammad Muhd Taib adalah RM 30,831,306.15. Ini adalah harta yang dimaklumkan dalam kenyataan bersumpah beliau. Harta pegangan beliau melebihi 74,500,000.00 juta ringgit tidak termasuk tanah dan pegangan saham beliau. Ini adalah antara persoalan yang masih tidak terjawap sehingga kini dan beliau bebas bergerak ke mana sahaja, berpolitik (sebagai Naib Presiden UMNO) dan sebagainya tanpa sebarang halangan.

Begitulah mewahnya kehidupan seorang bekas Menteri Besar. Bagaimana pula dengan kehidupan Menteri Besar, Ketua Menteri serta para pemimpin UMNO dan para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain? Mungkin pihak BPR dapat menjawabnya tetapi apa yang dijawab oleh BPR hanya pihak pemerintah khasnya Perdana Menteri sahaja yang tahu kerana maklumat tersebut tergolong sebagai maklumat terperingkat 'rahsia' atau 'sulit' dan dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi negara. Oleh itu, sebarang tindakan ataupun ditutup sahaja kes tersebut, semuanya terpulang kepada pihak pemerintah negara. Rakyat pula tidak dapat berbuat apa-apa kerana sekiranya ada di kalangan mereka yang cuba mendedahkan 'maklumat rasuah' tersebut kepada orang ramai, maka 'ganjaran' yang bakal diterima ialah bukannya surat penghargaan tetapi hukuman penjara kerana dikatakan mendedahkan maklumat terperingkat kerajaan sebagaimana yang dihadapi oleh Ketua Pemuda Parti Keadilan, saudara Mohd Ezam Mohd Noor yang telah ditangkap di bawah Akta

Rahsia Rasmi kerana didakwa telah mendedahkan maklumat mengenai siasatan BPR terhadap Datuk Rafidah Aziz dan juga Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Sekiranya apa yang didedahkan oleh saudara Ezam berkenaan adalah satu fitnah, maka Datuk Rafidah Aziz dan juga Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik boleh mengemukakan saman fitnah ke atasnya, tetapi sekiranya maklumat yang dikemukakan itu benar, maka adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya tehadap Datuk Rafidah Aziz dan juga Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Tetapi perkara yang sebaliknya telah berlaku di mana saudara Ezam telah didakwa tetapi sehingga sekarang tidak ada sebarang tindakan undang-undang dikenakan ke atas Datuk Rafidah Aziz dan juga Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik. Menurut Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara, mereka tidak mempunyai bukti yang cukup untuk mendakwa Datuk Rafidah Aziz dan juga Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik (Mingguan Malaysia, 23/8/1998).

Justeru itu, S. Husin Ali (25/8/2003) berpendapat bahawa, sememangnya dalam soal rasuah, peranan undang-undang tidak boleh diperkecilkan. Baginya, undang-undang bagi membanteras rasuah sememangnya telah wujud di negara ini. Begitu juga dengan badan-badan yang ditugaskan untuk mencegahnya, tetapi yang menjadi masalah ialah, adakah undang-undang itu dilaksanakan secara berkesan, dan adakah badan pencegah rasuah serta pasukan polis adil dan telus sewaktu melaksanakan undang-undang yang ada? Walau apapun persoalannya, sudah menjadi pengetahuan umum bahawa di peringkat perlaksanaan, terdapat keadaan 'pilih bulu' dalam tindakan ke atas rasuah atau mencegah rasuah. Sekurang-kurangnya semasa Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, seorang Menteri Pelajaran pada waktu itu iaitu Datuk Abdul Rahman Talib telah diambil tindakan. Pada masa Tun Hussein pula, Datuk Harun Idris, Menteri Besar Selangor telah diheret ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman penjara tetapi kini, seolah-olah terdapat pilihan ke atas hukuman yang diberikan (ada yang menerima hukuman penjara, ada yang didenda sahaja dan

sebagainya) walaupun kesalahan rasuah yang dilakukan agak berat seperti menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan sendiri sebagaimana yang ditunjukkan di dalam kes-kes berikut:

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Tan Cheng Swee (1979)**

Dalam kes ini, Datuk Tan Cheng Swee adalah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Melaka telah didapati bersalah oleh para Hakim Mahkamah Rayuan atas dua pertuduhan iaitu menggunakan kedudukannya sebagai yang Dipertua Majlis Perbandaran dengan meluluskan dua set pelan bangunan yang dimajukan oleh sebuah syarikat pemaju perumahan yang bernama Almac di mana Datuk Tan sendiri merupakan Pengurus Eksekutif dan pemegang saham syarikat tersebut. Tuduhan kedua ialah beliau dengan niat jahat telah bersama-sama duduk di dalam jawatankuasa kelulusan pelan bangunan tersebut. Di dalam kes ini, beliau telah dihukum di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970 dengan didenda sebanyak \$2,000 bagi setiap tuduhan yang dikenakan ke atas beliau (Malayan Law Journal 1979).

Di dalam kes Datuk Tan ini, beliau secara terang-terangan telah menyalahgunakan kuasanya sebagai penjawat awam demi untuk kepentingan peribadinya dan perkara ini diakui sendiri oleh para Hakim Mahkamah Rayuan semasa penghukuman hendak dibuat (Malayan Law Journal 1979). Tetapi persoalannya ialah mengapa hukuman yang dikenakan tidak setimpal dengan kesalahan yang beliau telah lakukan sebagaimana yang dikenakan ke atas Datuk Haji Harun Idris? Ini adalah kerana, menurut Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat 1970, sekiranya sabit kesalahan, beliau sepatutnya boleh dipenjarakan tidak lebih dari 14 tahun atau denda tidak melebihi \$20,000 atau kedua-duanya (penjara dan denda) sekali. Walau bagaimanapun, para Hakim Mahkamah Rayuan memberikan alasan bahawa:

*"In these circumstances and having regard to the unfortunate course in which this trial had been held, we do not propose to impose a sentence of imprisonment which, *prima facie*, is appropriate to an offence of corruption or corrupt practice, especially in high places. We therefore impose a fine \$2,000 on each of the charges on which Datuk Tan had been convicted and a fine of \$1,000 on the 2nd respondent on each of the two charges he had been found guilty of."*

*(Malayan Law Journal 1979)*

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Wira Abdul Rahman Jamal (1998)**

Pada 10 April 1998 pula, seorang lagi orang kanan Kerajaan Negeri Melaka telah didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen atas kesalahan menipu. Beliau ialah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Wira Abdul Rahman Jamal. Dalam kes ini, beliau didakwa telah memperdayakan pegawai Bahagian Pengurusan Perolehan, Kementerian Kewangan supaya mempercayai bahawa Kerajaan Negeri Melaka mencadangkan agar pembinaan Kompleks Sukan Negeri Melaka dilaksanakan oleh syarikat pembinaan Geahin Engineering Berhad dan Johawaki Sdn Bhd. Berikutan itu, pegawai Kementerian Kewangan telah menyediakan satu memorandum bagi pertimbangan Menteri Kewangan berhubung cadangan pembinaan Kompleks Sukan Negeri Melaka itu dengan diadakan secara rundingan terus kepada kedua-dua syarikat berkenaan. Berdasarkan memorandum itu, Menteri Kewangan dikatakan telah bersetuju menawarkan pembinaan projek berkenaan kepada kedua-dua syarikat tersebut. Kesalahan itu didakwa dilakukan oleh Datuk Wira Abdul Rahman Jamal di Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta. Beliau yang diwakili oleh Rosli dan Ibrahim Moideen didakwa mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, dan sebagai pilihan beliau kemudianya telah didakwa di bawah seksyen 4(c) Akta Pencegah Rasuah 1961 (Bahagian Pendakwaan, Jabatan PEGUAM NEGARA 2003).

Dalam kes Datuk Wira Abdul Rahman Jamal ini, beliau mendakwa telah membuat surat kepada Kementerian Kewangan berhubung menamakan dua syarikat bagi melaksanakan projek pembinaan Kompleks Sukan Negeri Melaka selepas mendapat arahan daripada Ketua Menteri Melaka pada ketika itu iaitu Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani. Bagaimanapun, mahkamah diberitahu oleh saksi-saksi pendakwa bahawa Exco Negeri Melaka tidak mengetahui atau memberi sebarang kelulusan terhadap pelaksanaan projek itu kepada kedua-dua syarikat berkenaan. Dan juga, tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa Ketua Menteri boleh membuat arahan atau keputusan terhadap sesuatu perkara tanpa pengetahuan atau kelulusan Exco (Berita Harian, 25/7/1998).

Sementara itu, peguam yang mewakili Datuk Wira Abdul Rahman Jamal menyatakan bahawa surat bertarikh 24 Februari 1997 yang dihantar oleh anak guamnya kepada Kementerian Kewangan adalah untuk mendapatkan nasihat dari Kementerian Kewangan sendiri setelah pihak kerajaan negeri mencadangkan agar pembinaan Kompleks Sukan Negeri dibina oleh kedua-dua syarikat berkenaan. Ini bermakna, projek tersebut hanyalah di peringkat cadangan dan bukan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Kementerian (Utusan Malaysia, 4/9/1998).

Seterusnya dalam rayuan yang dibuat di Mahkamah Tinggi pada 3 September 1998, Hakim Datuk Chin Fook Yen menyatakan bahawa, Hakim Mahkamah Sesyen sepatutnya meneliti fail-fail lain yang berkaitan sebelum memutuskan sama ada ia perlu dikemukakan ataupun sebaliknya. Kegagalan Hakim Mahkamah Sesyen berbuat demikian telah menimbulkan prejudis terhadap Datuk Wira Abdul Rahman Jamal. Justeru itu, Mahkamah Tinggi telah mengenepikan hukuman penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Sesyen terhadap beliau dan seterusnya beliau dibebaskan dari tuduhan menipu (Berita Harian, 9/9/1998).

Di samping itu, kegetiran ekonomi yang melanda negara belum lagi menampakkan bila ia akan beransur pulih manakala kemelut politik semakin mencengkam kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh parti UMNO. Kebelakangan ini media-media tempatan asyik menyelongkar beberapa bekas orang kuat Pergerakan Pemuda Umno beserta tokoh-tokoh pemimpin mereka yang lain yang turut terlibat sebagai pengarah dan pemegang saham puluhan syarikat. Pendedahan ini sama sekali tidak memerlukatkan para pemerhati politik kerana menurut mereka, perkara sedemikian telah menjadi kelumrahan di kalangan para pemimpin BN. Bagi mereka, antara politik dan perniagaan (*business*) menyatu dalam hasrat, antara pangkat dan kuasa menyemai di jiwa, maka tinggallah aspirasi rakyat tercicir dalam lipatan (Kamal Abu 'Ammar, 21/12/1998) sebagaimana yang ditunjukkan di dalam dua kes rasuah berikut:

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Sahar Arpan (1998)**

Kes rasuah yang melibatkan bekas Ahli Exco Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Sahar Arpan amat tidak diduga sama sekali khasnya oleh rakyat negeri Melaka. Menurut Berita Harian (28/7/1998), beliau merupakan seorang ahli politik yang amat dikenali di Melaka berikutan dengan kemenangannya sebanyak dua kali di dalam pilihan raya iaitu kali pertama pada tahun 1990 (kawasan Kemuning) dan kali kedua pada tahun 1995 (kawasan Durian Tunggal). Dalam kes ini, beliau menghadapi tiga tuduhan rasuah iaitu:

- a. Bagi tuduhan pertama, beliau dituduh mempunyai kepentingan di dalam keputusan Mesyuarat Exco dengan meluluskan permohonan Ivory Heights bagi tanah PT463 seluas 3.3718 hektar di Mukim Bertam dan PT4799 seluas 6.823 hektar di Mukim Bachang yang diberi hak milik sebagai pajakan 60 tahun pada kira-kira jam 10 pagi, 7 September 1994;
- b. Bagi tuduhan kedua, beliau didakwa mempunyai kepentingan di dalam meluluskan permohonan Ivory Heights dengan menukar tempoh pajakan

dari 60 kepada 99 tahun bagi kedua-dua tanah berkenaan pada 21 Disember 1994; dan

- c. Bagi tuduhan ketiga pula, beliau didakwa mempunyai kepentingan dalam meluluskan permohonan Ivory Heights dengan meminda keluasan tanah PT463 daripada 3.3718 kepada 3.6204 hektar dan PT4799 daripada 6.823 kepada 7.2019 hektar pada 23 Ogos 1995.

Ketiga-tiga pertuduhan itu dibuat di bawah Seksyen 2(1) Ordinan Darurat Kuasa-Kuasa Perlu) No. 22 Tahun 1970 yang boleh membawa kepada hukuman maksimum (jika sabit kesalahan) penjara 14 tahun, denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali. Prosiding jenayah bermula pada November 1997 dan sebanyak 150 dokumen (barang bukti) telah dikemukakan manakala seramai 70 orang saksi telah dipanggil termasuklah Ketua Menteri Melaka pada ketika itu iaitu Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik serta beberapa orang Exco yang lain. Pada 23 September 1998, hakim bicara Datuk Suriyadi Halim Omar memutuskan bahawa pihak pendakwa telah berjaya mengemukakan kes *prima facie* terhadap Datuk Sahar. Akhirnya pada 19 April 1999, mahkamah telah mensabitkan ketiga-tiga pertuduhan berkenaan terhadap beliau. Ekoran sabitan itu, Datuk Sahar Arpan telah dijatuhi hukuman penjara selama 2 tahun dan di denda sebanyak RM20,000 bagi setiap pertuduhan. Hukuman penjara diarahkan berjalan serentak (Malayan Law Journal 1999 dan Utusan Malaysia, 27/4/1999).

Ketika mengumumkan penghakiman (dibuat secara bertulis 18 halaman), hakim bicara menyatakan bahawa pihak pendakwa mempunyai cukup keterangan yang menunjukkan bahawa walaupun Datuk Sahar Arpan tidak memiliki syarikat berkenaan, tetapi pada hakikatnya beliau telah terlibat di dalam proses penubuhan syarikat itu, serta terlibat sama dalam proses meluluskan pemberian milik dua bidang tanah di Mukim Bertam dan Mukim Berchang. Alasan pembela bahawa mahkamah sepatutnya mengambil kira khidmat cemerlang beliau kepada masyarakat setempat agar hukuman dapat diringankan bukanlah satu alasan

yang munasabah. Sebaliknya mahkamah perlu mengenakan hukuman yang setimpal ke atasnya memandangkan beliau adalah seorang Exco negeri yang telah menyalahgunakan kedudukan dan kuasanya demi untuk kepentingannya sendiri (Utusan Malaysia 27/4/1999 dan The Sun, 20/4/1999).

### **Kes Pendakwa Raya Lawan Datuk Waad Mansor (1992)**

Kes rasuah yang melibatkan anggota Exco Kerajaan Negeri bukan sahaja berlaku di Melaka tetapi juga di negeri-negeri lain. Dalam kes ini, Datuk Waad Mansor adalah ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dari tahun 1982 dan telah dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan pada tahun 1986. Pada 4 November 1991, Syarikat Teraju Nusantara Sdn Bhd (Teraju Nusantara) telah ditubuhkan oleh isteri beliau iaitu Datin Noraini Abdul Satar bersama dua orang yang lain. Teraju Nusantara telah membuat permohonan tanah kuari di Mukim Repah, Daerah Tampin di mana Datuk Waad Mansor juga merupakan ahli Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin. Pada 25 November 1991, tiga minggu selepas penubuhan Teraju Nusantara, permohonan tersebut diterima oleh Pantadbir Tanah Daerah Tampin. Pada 21 Disember 1992, kertas mesyuarat dibentang, dipertimbang dan seterusnya disokong untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pada 28 April 1993, Majlis Mesyuarat Kerajaan meluluskan permohonan Traju Nusantara untuk melanjutkan tempoh bayaran premium ke atas tanah tersebut (All Malaysia Reports, 17/9/2003). Datuk Waad Mansor kemudiannya telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan di bawah Seksyen 2(1) Ordinan 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) 1970 dan seterusnya menghadapi tiga tuduhan pindaan melakukan rasuah seperti berikut: (Berita Harian, 8/7/1999)

- a. Bagi tuduhan pindaan pertama, beliau sebagai wakil rakyat Gemencheh dituduh mengambil bahagian dalam keputusan Jawatankuasa Tanah Daerah Tampin yang memutuskan supaya permohonan Syarikat Teraju Nusantara Sdn Bhd untuk memiliki tanah kerajaan di Mukim Repah, Daerah Tampin seluas 20.146 hektar secara lesen pendudukan sementara beserta dengan permit, dan tanah seluas empat hektar secara pemberian hak milik untuk

perusahaan kuari, dibawa ke Majlis Mesyuarat Karajaan Negeri untuk kelulusan. Kesalahan ini dilakukan di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Tampin kira-kira jam 10 pagi;

- b. Bagi tuduhan pindaan kedua, beliau dituduh mengambil bahagian dalam keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi meluluskan pemilikan tanah seluas 28.24 hektar di Mukim Repah secara pajakan bagi tempoh 60 tahun bagi tujuan perusahaan kuari kepada Syarikat Teraju Nusantara. Kesalahan ini dilakukan di Bilik Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada kira-kira jam 10 pagi, 28 April 1993; dan
- c. Bagi tuduhan pindaan ketiga, beliau dituduh mengambil bahagian dalam keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk meluluskan permohonan melanjutkan tempoh bayaran premium selama enam bulan ke atas tanah seluas 28.24 hektar di Mukim Repah yang diluluskan kepada Syarikat Teraju Nusantara pada 28 April 1993. Kesalahan ini dilakukan di Bilik Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada kira-kira jam 10 pagi, 26 Januari 1994.

Di akhir pembelaan, Datuk Waad Mansor telah dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi. Pihak pendakwa tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi ini kerana mahkamah sepatutnya menjatuhkan hukuman penjara ke atasnya kerana setiap kesalahan itu boleh membawa kepada hukuman maksima penjara selama 14 tahun dan denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali. Pendakwa raya kemudiannya telah dibenarkan membuat rayuan terhadap keputusan tersebut (All Malaysia Reports, 17/9/2003).

Walau bagaimanapun, pada 11 Ogos 2003, Mahkamah Rayuan telah menolak hukuman penjara dikenakan ke atas Datuk Waad Mansor dan beliau hanya didenda sebanyak RM15,000 sahaja (jika tidak dibayar, enam bulan penjara akan dikenakan bagi setiap pertuduhan). Antara alasan Mahkamah Rayuan yang tidak mengenakan hukuman penjara ke atas Datuk Waad Mansor ialah: (All Malaysia Reports, 17/9/2003)

- a. Kesalahan beliau tidak patut disamakan dengan dengan kesalahan-kesalahan jenayah merompak, pecah amanah, merogol dan sebagainya, dan orang yang melakukan kesalahan ini tidak patut diklasifikasikan bersama-sama penjenayah-penjenayah tersebut. Perbuatan salah beliau hanyalah kerana beliau tidak keluar dari bilik mesyuarat semasa permohonan dibentang, dipertimbang dan diluluskan;
- b. Melakukan perbuatan rasuah dan menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri sendiri adalah sesuatu perbuatan yang salah. Tetapi memohon tanah kuari tidak salah. Malah permohonan yang diluluskan juga tidak salah;
- c. Memang beliau mendapat faedah kewangan tetapi hukuman yang diterima oleh beliau sudah lebih dari faedah tersebut di mana nama baiknya tercemar, kerjaya politiknya hancur dan jawatan-jawatan yang dipegangnya hilang dan tidak mungkin diperolehi semula. Dari segi kewangan, beliau telah dan akan terus rugi. Dalam keadaan ini, hukuman penjara tidaklah perlu, hukuman denda yang dikenakan sudahpun memadai;
- d. Hukuman penjara bukanlah satu hukuman mandatori di bawah seksyen tersebut. Walaupun terdapat beberapa kes di mana hukuman penjara satu hari dikenakan, tetapi dalam kes ini ia tidak memberi apa-apa makna kerana apabila mahkamah tamat bersidang, tertuduh telah disifatkan sebagai telahpun menjalani hukuman tersebut; dan
- e. Kes ini tidak boleh disamakan dengan kes Pendakwa Raya melawan Datuk Seri Anwar Ibrahim (1999) kerana kes ini tidak memberikan apa-apa kesan kepada ketenteraman awam.

Apabila di sebut sahaja kes rasuah Datuk Seri Anwar Ibrahim, rakyat Malaysia pastinya masih ingat lagi bahawa pada tujuh tahun yang lepas, bekas Timbalan Perdana Menteri berkenaan pernah berjanji akan melancarkan perang habis-habisan ke atas gejala rasuah dan beliau telah memperkenalkan Rang Undang-

undang Pencegahan Rasuah 1997 di Parlimen, dan kemudiannya berjanji kepada seluruh negara bahawa, "Kini masa bertindak ... kita akan menangkap ikan jerung serta ikan bilis." Malang dan tragik sekali kerana satu-satunya 'ikan jerung' yang berjaya ditangkap sepanjang 22 tahun tempoh Dr. Mahathir memegang jawatan sebagai Perdana Menteri adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri yang telah disabitkan kesalahan dan seterusnya dihukum penjara selama enam tahun atas tuduhan rasuah yang tidak melibatkan satu sen pun atau apa-apa ganjaran wang ringgit atau kekayaan (Lim Kit Siang, 12/8/2003) berbanding dengan kes yang melibatkan Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Datuk Saidin Thamby, Datuk Sahar Arpan dan sebagainya.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi pada 14 April 1999:

"Saya dihukum dengan *with judgement that stinks to high heaven*. Alangkah aibnya penghakiman ini. Tafsiran rasuah yang tak masuk akal. Meloyakan bila memikirkan di Malaysia di mana pemimpin-pemimpin melesapkan ratusan juta ringgit dan bilion ringgit wang kerajaan telah digunakan untuk menyelamatkan sanak saudara dan kroni. Mereka telah menjadikan tamak haloba dan kebejatan perilaku sebagai hak mereka, kebal dari sebarang hukuman. Saya di hukum, tetapi rakyat tahu bahawa hukuman adalah mengikut skrip yang direka oleh para konspirator. Bukan mahkamah tetapi para konspirator yang memenjarakan saya. Tetapi ingatlah bahawa manusia terdiri dari jasad dan roh. Jasad saya boleh dipenjara, tetapi jiwa saya tetap merdeka. Tetapi ada manusia yang badannya merdeka tetapi jiwanya terpenjara, dipenjara oleh pangkat dan kedudukan, bahkan jiwa mereka boleh dijual beli..... Tuduhan rasuah terhadap saya bukan tuduhan yang mempunyai keuntungan kewangan, tetapi penyalahgunaan kuasa. Tetapi proses pendakwaan saya menampilkan insiden-insiden penyalahgunaan kuasa yang paling menjolok mata dari Perdana Menteri sehingga susah menyifatkannya kecuali sebagai satu konspirasi."

Akhirnya, walau apapun yang cuba dilakukan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim nampaknya semuanya tidak berhasil kerana ‘kuasa sebenar’ adalah ditangan pemerintah negara ini. Begitulah nasib yang diterima oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walaupun kes rasuahnya tidak melibatkan sesen pun wang, beliau tidak boleh diikat jamin sedangkan di dalam kes Datuk Saidin Thamby, jumlah rasuah yang terlibat adalah RM1 juta (bukan sedikit jumlahnya) dan beliau boleh diikat jamin manakala dalam kes Datuk Waad Mansor, beliau cuma didenda dan tidak dipenjarakan walaupun jelas terdapat salahguna kuasa di dalam kes berkenaan.

Sebaliknya beberapa pemimpin Umno yang pernah ‘ditangkap’ kerana terlibat dengan politik wang dalam tahun 1996 dahulu dinaikkan pangkat dalam tahun 1999. Antaranya Dr. Abdul Latif Ahmad dari seorang Exco Kerajaan Negeri Johor kini sudah menjadi Timbalan Menteri Sumber Manusia. Dato' Seri Shariff Omar dari jawatan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang kini sudah menjadi Timbalan Menteri Pertanian. Dato' Salamon Selamat dari seorang Ahli Parlimen biasa kini sudah menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor manakala Dato' Dr. Abd Malek Mohd Hanafiah kekal sebagai Exco Kerajaan Negeri Perak.

Dalam hal ini, cuba kita bayangkan jika sekiranya semua Yang Behormat (Y.B.) boleh naik melalui politik rasuah, maka kita semua akan menerima padah di mana Parliment akan menggubal undang-undang yang tidak berdasarkan kepada inspirasi rakyat jelata. Justeru itu, gejala politik wang harus dibanteras kerana ia boleh mengakibatkan negara dipimpin oleh mereka yang tamak dan nipis iman, malahan akidah pun sudah rosak. Jika tidak dikawal, jawatan-jawatan penting di dalam parti politik tidak lagi dipegang sebagai amanah untuk membakti kepada bangsa dan negara sebaliknya bagi sebilangan mereka, kedudukan itu dikehjarn sebagai jambatan untuk berkuasa dan mengumpul kekayaan bagi diri, keluarga dan orang-orang mereka. Sesiapa pun tidak seharusnya meredakan perbuatan jijik seumpama ini.

Di samping itu, UMNO dikatakan tidak menghidangkan panduan rohani kerana ia diasaskan bukan di atas dasar taqwa dan kesedaran kerohanian. Yang UMNO tahu ialah menggunakan duit yang dikutip dari pelbagai cukai rakyat untuk membina bangunan, jalan, jambatan dan sebagainya. Ini tidaklah mengapa sekiranya diadakan demi kesenangan rakyat, tetapi apa yang dibimbangkan ialah, di dalam pelbagai proses transaksi itulah maka adanya kuasa yang terlibat di pelbagai peringkat dan adanya wang rakyat yang disalahgunakan. Hakikatnya, kuasa kebanyakannya digunakan untuk menyalahgunakan kuasa. Ini jelas ditunjukkan di dalam kes Perwaja Steel misalnya yang melibatkan seorang Tan Sri yang begitu rapat dengan pembesar UMNO. Begitu juga dengan dakwaan salah laku seorang lagi Tan Sri di Pahang yang kini sedang menjawat jawatan Setiausaha Agung UMNO. Laporan polis yang dibuat secara rasmi telah berlalu bertahun-tahun lamanya. Apa sudah jadi dengan laporan polis tersebut? Jawapannya mudah kerana sehingga kini tidak ada apa yang terjadi (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2/5/2003).

Berbalik kepada Dr. Rais Yatim yang kelihatan begitu serius untuk membanteras rasuah melalui BPR. Jika takdirnya rasuah tiada dalam UMNO, UMNO mungkin boleh mati. Sebagaimana PAS boleh mati jika meninggalkan Islam, UMNO juga boleh mati tanpa wang dan politik wang. Adakah Dr. Rais Yatim mahu membunuh UMNO sampai mati? UMNO kini serba salah. Ia mahu dilihat sebagai Islam tetapi menolak hukum Islam. Ia mahu bebas dari rasuah tetapi menolak dosa dan pahala. Ia mahu kononnya membela sekolah agama tetapi menyekat bantuan kepada sekolah-sekolah agama. Ia kononnya mahu membanteras judi dan arak tetapi terus-menerus mengeluarkan lesen dan membenarkan premisnya beroperasi (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2/5/2003). Itulah hakikat yang terpaksa diiterima oleh rakyat di negara ini.

Berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang rasuah pula, rakyat meletakkan harapan yang tinggi kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk melaksanakannya. Tetapi pada hakikatnya, BPR dikatakan tidak bebas. Apa

buktinya? Misalnya dalam kes perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Ketua Pengarah BPR, Dato' Shafie Yahya sendiri telah memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkannya supaya menghentikan penyiasatan ke atas bekas Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman (Malayan Law Journal, 12/4/1999).

Di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, bekas Ketua Pengarah BPR tersebut memberitahu bahawa apabila pegawai-pegawai BPR menyerbu pejabat Ali Abul Hassan di EPU, didapati terdapat duit tunai di dalam jumlah yang banyak berada di dalam laci Ketua Pengarah EPU tersebut. Persoalannya, kenapa BPR menyerbu pejabat Ali Abul Hassan? Ini adalah kerana BPR telah menerima aduan bahawa Ali Abul Hassan melakukan rasuah. Bila serbuan dibuat maka sememangnya betul terdapat banyak duit tunai di dalam lacinya (RM100 ribu). Biasanya pegawai-pegawai tinggi kerajaan membawa kad kredit, kecuali bekas Menteri Besar Selangor yang membawa duit berkilo-kilo di dalam begnya. Tetapi dari mana duit itu datang? Ali Abul Hassan sampai sekarang tidak dapat menjelaskan. Sekiranya diteliti, EPU sebenarnya terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. BPR juga terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Maknanya, kedua-duanya berada di bawah Dr. Mahathir manakala EPU banyak terlibat di dalam projek penswastaan. Dengan itu, banyaklah juga projek untuk kroni-kroni. Jadi dengan sendirinya banyaklah juga wang di dalam laci (Majalah Kini, 13/6/2000).

Sekiranya inilah keadaannya, maka akan hancuriah negara kita dengan malapetaka rasuah ini. Masalahnya sekarang ialah, walaupun BPR dikatakan sebagai badan bebas, tetapi pada hakikatnya BPR akan kembali merujuk sesuatu kes rasuah yang telah selesai disiasat kepada Peguam Negara. Dalam hal ini, sekiranya Peguam Negara tidak memilih untuk mendakwa, maka kes tersebut akan ditutup begitu sahaja sebagaimana yang berlaku di dalam kes rasuah yang melibatkan Datuk Rafidah Aziz serta beberapa pemimpin UMNO yang terlibat dengan politik wang.

Berkenaan dengan sistem kehakiman negara, sekiranya ditinjau dari tahun 1957 sehingga ke pertengahan tahun 1980an, Badan Kehakiman Malaysia berjaya membina imej yang dilihat bebas dan berkecuali serta dihormati umum. Apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pada mulanya beliau nampaknya menghormati Badan Kehakiman sebagaimana katanya semasa perasmian Asean Law Association General Assembly pada 26 Oktober 1982:

"Saya akan sentiasa menghormati Kehakiman. Kita tidak mengharapkan mahkamah bersikap pro atau anti-kerajaan, cuma pro-Perlombagaan dan pro undang-undang. Kerajaan sentiasa merujuk Perlombagaan dan Undang-undang sebelum kita lakukan sesuatu, maka kita harapkan Kehakiman bersikap bebas untuk menghakimi apa-apa pelanggaran yang kami lakukan tanpa takut atau menyebelahi, tetapi mestilah selaras dengan undang-undang, berlandaskan undang-undang pembuktian dan prosedur secara adil. Kami akan sentiasa menghormati penghakiman mereka...." (Charles Hector, 1/11/03).

Beberapa tahun kemudian, sikap Dr. Mahathir mula berubah. Seterusnya selepas itu, sewaktu memberi komen perihal peranan mahkamah, Dr. Mahathir dilaporkan pada 24 November 1986 dalam Majalah Time sebagai berkata:

"Walaupun kamu (legislatif) meluluskan sesuatu undang-undang dengan sesuatu niat, kami fikir apa yang kamu buat itu salah, dan kami mahu berikan tafsiran kami. Jika kami tak bersetuju, pihak mahkamah akan berkata, "Kami akan mentafsirkan bantahan kamu itu." Jika kita teruskan, kita akan kehilangan kuasa legislatif. Kita tahu apa yang kita mahu lakukan, tetapi bila kita lakukan, ia ditafsirkan berlainan, dan kita tiada cara untuk ditafsirkan seperti kehendak kita. Jika kita dapati mahkamah selalu mengenepikan kita di dalam penghakiman mereka, atau jika ia mentafsirkan sesuatu berlawanan dengan tujuan kenapa kita wujudkan undang-undang itu, maka kita kena cari jalan untuk mewujudkan undang-undang yang akan ditafsirkan mengikut kehendak kita."

Kenyataan ini telah menggerakkan satu tindakan undang-undang dari Lim Kit Siang terhadap Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi dan kemudiannya Mahkamah Agung tidak melayan dan seterusnya membuang kes tersebut. Pada waktu itu juga, berlaku krisis UMNO cetusan daripada pertandingan merebut jawatan Presiden UMNO pada 1987. Dr. Mahathir yang dicabar Tengku Razaleigh menang dengan majoriti paling lekeh sebanyak 43 undi. Sebelas ahli UMNO kemudiannya mencabar keabsahan pemilihan ini sehingga mengakibatkan UMNO kemudiannya diharamkan oleh Mahkamah Tinggi. Rayuan dikemukakan kepada Mahkamah Agung dan mahkamah menetapkan tarikh bersidang pada 13 Jun 1988 dengan 9 orang Hakim Mahkamah Agung (Charles Hector, 1/11/03).

Dalam hal yang lain, Tun Hamid Omar yang mempengerusikan Tribunal pertama yang mengesyorkan pemecatan Tun Salleh Abas sebagai Ketua Hakim telah dilantik sebagai Ketua Hakim yang baru pada 10 November 1988. Kemudian Eusoff Chin, dalam Tribunal kedua telah dilantik sebagai Ketua Hakim. Dalam jangka masa ini pelbagai kontroversi termasuklah kes Ayer Molek dan 'surat layang' pada awal 1996 yang telah membariskan 112 tuduhan iaitu 39 tuduhan rasuah, 21 tuduhan salah guna kuasa dan 52 tuduhan salah laku, tidak bermoral, Ketua Hakim bercuti dengan peguam, pendedahan seorang hakim Mahkamah Tinggi yang beliau menerima arahan dari Ketua Hakim Negara mengenai kes yang sedang diadili dan kes yang heboh diperkatakan iaitu kes Lim Guan Eng dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Charles Hector, 1/11/03).

Selepas krisis kehakiman pada tahun 1988, serangan yang dipimpin oleh Dr. Mahathir terhadap Kehakiman dikatakan bukan terarah untuk memperbaiki imejnya dan kebebasannya tetapi sebaliknya telah melancarkan serangan terhadap badan peguam. Badan Peguam Malaysia yang terus teguh berjuang untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kebebasan Kehakiman dalam tempoh krisis ini dan selepasnya telah menjadi sasaran. Pertama, Manjeet Singh Dillon, yang pada ketika itu Setiausaha Badan Peguam didakwa menghina

mahkamah kerana satu affidavit. Seterusnya ramai lagi peguam yang diugut dan didakwa menghina mahkamah. Justeru itu, pemecatan hakim-hakim pada tahun 1988 ini jelas menunjukkan bahawa ia bukanlah satu kemungkinan atau ancaman malah boleh menjadi realiti sekiranya mereka tidak berhati-hati. Bencana 1988 berjaya menanamkan rasa takut di kalangan para hakim. Sejak daripada itu, kita lihat cuma sedikit sahaja yang berjaya mengatasi ketakutan itu dan mengadili dengan berani terutama sekali kes-kes yang melibatkan kerajaan atau orang/syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan. Sebelum krisis Kehakiman 1988, Pengerusi Badan Peguam dan Peguam-peguam Kanan dirujuk secara tidak formal oleh Ketua Hakim perihal kesesuaian calon-calon untuk dilantik sebagai hakim. Selepas era krisis ini, amalan tersebut dihentikan. Pada tahun 1994, Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk mengizinkan lantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Judicial Commissioners) yang mempunyai kesemua kuasa hakim tetapi syarat-syarat perkhidmatannya terhad, sebagai satu kawalan untuk mengekalkan kebebasan kehakiman (Charles Hector, 1/11/03).

Dalam risalah keluaran Majlis Peguam Infoline (Julai 2003), Datuk Param Cumaraswamy, wakil khas Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Kebebasan Hakim dan Peguam melaporkan bahawa, 'lantikan' terbaru Datuk Augustine Paul, Datuk Arifin Jaka dan Pajan Singh Gill akan dilihat oleh umum sebagai hadiah kerana 'akur'. Begitu juga lantikan Tun Hamid Omar dan kemudiannya Eusoff Chin sebagai ketua Kehakiman juga mungkin dilihat oleh umum sebagai hadiah.

Walau bagaimanapun, Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim menyifatkan sebagai tidak adil dakwaan bahawa hakim Mahkamah Tinggi yang mensabitkan kesalahan Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap tuduhan rasuah dan liwat telah mendapat 'ganjaran' masing-masing dengan dilantik sebagai hakim Mahkamah Rayuan hari ini. Sambil menolak dakwaan itu sebagai tidak berasas, beliau menegaskan pelantikan kesemua lapan hakim baru Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dibuat berdasarkan kepada

banyak faktor, antaranya kebolehan, integriti, pengalaman dan tingkahlaku mereka (Arfa'eza A Aziz, 24/7/2003).

Justeru itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah menyeru supaya tindakan-tindakan yang lebih berkesan diambil untuk memerangi gejala rasuah khasnya di sektor perkhidmatan awam, memandangkan di antara 1,342 orang yang ditangkap kerana kesalahan rasuah di antara tahun 1998 hingga 2002, lebih dari setengah bilangan ini adalah kakitangan awam (Lim Kit Siang, 12/8/2003). Melihatkan angka tersebut, ia sesuatu yang menggerunkan kerana dalam tempoh 1,460 hari (empat tahun), sebanyak 1,342 penjawat awam ditangkap kerana rasuah. Purata hampir satu tangkapan sehari.

Namun persoalan besar yang harus dijawab ialah kenapa penjawat awam begitu ramai sekali terlibat dengan aktiviti rasuah. Jawapan mudah dan sering diberikan oleh pemimpin politik negara ialah kerana mereka begitu ghairah untuk mendapatkan wang mudah. Bagaimana pula dengan contoh dan teladan. Apakah tidak mungkin penjawat awam yang melakukan rasuah berpendapat bahawa mereka hanya melakukan rasuah kecil-kecilan sedangkan jerung yang makan besar bebas berkeliaran. Di samping itu, timbul tanggapan di kalangan masyarakat, kenapa Datuk Seri Abdullah hanya bercakap mengenai rasuah kategori bilis atau mereka yang amatur sahaja. Rakyat juga ingin melihat Datuk Seri Abdullah yang membawa gelaran Mr. Clean bercakap tentang penyelewengan Perwaja yang melibatkan bakal bekas Perdana Menteri, apa dah jadi dengan kertas cadangan pertuduhan Peguam Negara terhadap Datuk Rafidah Aziz dan Tan Sri Rahim Thamby Chik, bagaimana pula dengan penyelewengan PPRT yang dikaitkan dengan Datuk Annuar Musa dan banyak lagi kes rasuah jerung (Seruan Keadilan Online, 10/9/2003).

Di samping itu, dalam masa Datuk Seri Abdullah bersungguh-sungguh dan berazam hendak menghapuskan rasuah, kini timbul rundingan yang melibatkan adiknya dengan penswastaan MAS Catering yang memberikan gambaran

wujudnya sesuatu yang tidak kena. Begitu juga halnya dengan kontrak Dewina, satu lagi syarikat milik keluarga Datuk Seri Abdullah yang membekalkan makanan kepada Kementerian Pertahanan. Namun sehingga kini Datuk Seri Abdullah berdiam diri dan tidak pernah berusaha untuk menjelaskan kedudukan sebenar tentang keraguan wujudnya salahguna kuasa di dalam pemberian kontrak tersebut (Seruan Keadilan Online, 10/9/2003).

Walau bagaimanapun, ini adalah peluang untuk Datuk Seri Abdullah untuk membuktikan bahwa beliau layak menyandang gelaran Mr. Clean. Namun, beliau tidak akan berbeza dengan mereka yang bergelumang dengan rasuah sekiranya hanya menjadikan isu tersebut sebagai gimik politik untuk menempatkan dirinya sebagai bakal Perdana Menteri yang boleh diharapkan. Justeru itu, masanya telah tiba untuk para pemimpin kerajaan berhenti dari hanya memberikan ucapan-ucapan baik sebegini dan sebaliknya menunjukkan iltizam politik mereka untuk mengambil tindakan berkesan bagi memerangi gejala rasuah di semua peringkat.

Bagi pengamal politik wang pula, mereka ini tidak banyak bezanya dengan pencuri di mana mereka juga menjerit-jerit, 'pencuri, pencuri!' tetapi sebenarnya mereka sendiri merupakan perompak besar. Para pemimpin yang sedemikian bukan sahaja menjejaskan ekonomi, mengurangkan pelaburan dan melemahkan politik bahkan boleh menggadai negara kepada kuasa asing. Justeru itu, rakyat seharusnya mengambil iktibar akan perkara ini dan seterusnya memastikan pemimpin yang sedemikian tidak akan dipilih di dalam pilihan raya yang akan datang. Kuasa sebenarnya di tangan rakyat. Oleh itu, gunakanlah kuasa tersebut dengan sebaik-baiknya demi untuk masa depan anak bangsa dan bukannya untuk kepentingan 'perut' individu tertentu yang menyalahgunakan kuasa yang diamanahkan rakyat kepada mereka.